

2627 - 2784 2702

his maks surat
Sudha dimisulika
dura lgt w hary
21/9/88

Jilid II
Bil. 22



Hari Rabu
7hb Januari, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2633]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan)
[Ruangan 2663]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 2676]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T.,
P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI
PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M.,
S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Terengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ADULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.
(Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA
(Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias*, YAP PIANG TAU (Selangor)
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Sharif bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 7hb Januari, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

RUMAH KEDIAMAN BAGI
GOLONGAN BERPENDAPATAN
RENDAH

1. **Puan Rahmah binti Othman** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rakyat jelata masih kekurangan rumah untuk kediaman; dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memudahkan rakyat jelata khususnya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa rakyat jelata masih kekurangan rumah untuk kediaman. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan akan membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Memandangkan bahawa ada di antara golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri Kerajaan akan terus menyediakan rumah-rumah awam kos rendah yang akan disewakan

dengan harga bayaran sewa yang berpatutan dan mengandungi elemen subsidi. Kerajaan juga akan menggunakan strategi-strategi baru yang akan dipercepatkan pelaksanaan pembinaan rumah-rumah murah dengan lebih banyak lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita bercakap fasal hendak memberi rumah kepada rakyat miskin ini dan apabila kita membuat analisa menyeluruh di tanahair kita fasal bahagian ini, nyata beberapa perkara harus kita fikirkan bersama.

Saya hendak bertanya oleh sebab pembahagian rumah 30% sepertimana swasta yang membuat rumah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, pada pendapat saya sendiri yang saya sendiri tahu hal ini 30% ini tidak didapati oleh bumiputra dengan sebab apa yang disebutkan dalam ini memang benar yakni kedudukan rakyat yang sangat miskin tidak mampu membayar sekali gus ataupun beransur-ansur dengan harga yang ada sekarang \$40,000 misalnya, \$35,000 atau \$30,000 sehabis kurang pada masa sekarang yang saya tahu. Saya tidak tahu ada rumah yang dijual dengan harga \$15,000.

Pada pendapat saya, bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat penjelasan kalau yang sudah kita tetapkan 30% bagi bumiputra khususnya yang sangat miskin yang kita tahu mereka berkehendakkan rumah, dalam dunia ini kalau kita dapat rumah itu alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi 30% ini dia tidak dapat membeli, dengan daya usaha Kementerian mendahulukan pembelian atau pembayaran, tidak kiralah dengan apa cara sama ada dengan UDA atau berpakat dengan

Kerajaan-kerajaan Negeri supaya tidak terlepas tangan kepada orang lain kerana saya tahu memang banyak terlepas, cakap sahaja 30% bumiputra tetapi yang sebenarnya bukan bumiputra yang beli. Saya ada keterangan dalam hal ini, saya tahu. Jadi saya harap kalau kita dapat mengatasi masalah ini dengan cara kita dahulukan seperti kita pinjamkan daripada MARA, daripada Bank Duniakah atau mana-mana supaya dapat kita menolong dengan erti kata yang sebenarnya kepada bumiputra kita yang miskin fasal rumah ini.

Kedua, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini telah bersama-sama dengan Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri Negeri-negeri dapat bermuafakat bahawa 30% ini didapatkan oleh bumiputra dalam erti kata yang sebenarnya ataupun bagaimanakah berhubung dengan hal ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang digambarkan oleh Yang Berhormat Senator itu bahawa masalah peruntukan 30% daripada projek-projek perumahan yang dibina oleh swasta kepada bumiputra bukan semuanya dapat dibeli dan terus dimiliki oleh bumiputra mengikut kuota yang ditentukan itu.

Sebelum saya menjelaskan perkara ini, saya pohon izin Tuan Yang di-Pertua bagi saya menjelaskan bahawa ada perbezaan antara rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang mengandungi beberapa elemen subsidi yang memang dapat dijual lebih daripada \$15,000 sebagaimana Yang Berhormat kata tadi tidak pernah mendengar ada rumah-rumah yang dibina di bawah \$15,000. Ada negeri-negeri yang membina di bawah Skim Perumahan Awam Kos Rendah ini kurang daripada \$12,000, ada butir-butirnya. Tetapi rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta, walaupun rumah itu dikelaskan sebagai rumah harga murah atau rumah murah memang tidak dapat dijual dengan \$15,000 dan telah dipersetujui bahawa rumah-rumah setakat ini pada masa sekarang ini yang dibina oleh swasta yang dijual dengan harga \$20,000 masih lagi dianggap rumah murah.

Berhubung dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator berhubung dengan meminta supaya Kerajaan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendahulukan bayaran-bayaran untuk bumiputra membeli rumah-rumah yang diperuntukkan oleh pemaju-pemaju perumahan di mana-mana projek, sukacita saya menyatakan bahawa pada masa sekarang ini kuota yang menentukan berapa jumlah rumah daripada satu-satu projek yang dibina oleh syarikat swasta itu mesti diperuntukkan kepada bumiputra adalah ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerana mengikut peraturan sekarang Kerajaan Negeri adalah pihak berkuasa yang menentukan dan meluluskan lesen satu-satu projek itu dan amalan sekarang memang telah dijalankan, tetapi berbeza-beza antara satu-satu negeri. Ada negeri-negeri yang memperuntukkan sampai 50% mesti dijual kepada bumiputra, ada negeri-negeri 40%, ada 30% dan ini terpulangnya kepada keadaan tempatan kerana kita sekalianpun tentu memahami keadaan sesuatu tempat itu tidak bersamaan, mungkin ada sesuatu tempat barangkali yang dapat dijual hampir 100% kepada bumiputra.

Dalam masalah menentukan supaya bumiputra dapat membeli rumah-rumah yang diperuntukkan di bawah kuota-kuota ini, Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri ada menggunakan peraturan-peraturan tertentu sama ada di bawah peraturan pentadbiran. Tetapi sukacita juga saya memaklumkan sudah pun Kementerian saya menerima pandangan, syor atau cadangan supaya pihak Kerajaan sendiri menubuhkan satu tabung pusingan umpamanya semua rumah-rumah yang dijual ini dibeli oleh Kerajaan kemudian dijual kembali kepada pihak bumiputra apabila ada bumiputra mampu nanti.

Syor-syor dan pandangan-pandangan ini saya fikir bersamaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator baru sekejap tadi. Sehingga sekarang syor dan pandangan ini sedang di dalam kajian secara serius dan ianya terpulangnya sama ada sesuai digunakan, dijalankan atau tidak selepas pihak Kerajaan mengkajinya dengan teliti nanti.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Masalahnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah tanah di dalam bandar. Jadi kalau sekiranya peraturan-peraturan sebagaimana yang berjalan sekarang ini tidak dipinda, saya percaya tidak adalah rumah kos murah sebagaimana yang kita takrifkan itu dapat dibeli oleh bumiputra yang dibuat oleh swasta, dengan sebab, pihak swasta mana yang akan menjual rumah yang murah kalau sekiranya tanah itu mahal. Ada tidak adanya kalau sekiranya hendak diberi juga kepada bumiputra terpaksa didirikan rumah-rumah itu di luar bandar, di tepi-tepi hutan ataupun didapatkan tanah Kerajaan yang jauh daripada bandar. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian iaitu di Singapura tidak digalakkan sama ada pihak Kerajaan ataupun swasta mendirikan rumah-rumah selapis, yang digalakkan ialah membuat rumah-rumah pangsa yang tinggi, kerana tanah-tanahnya mahal, maka tidakkah ada cadangan pihak Kementerian atau pihak Kerajaan ataupun pihak swasta apakala hendak mendirikan rumah-rumah kepada bumiputra ini dibuat rumah pangsa yang tinggi-tinggi, dengan sebab rumah pangsa ini harganya murah, dan bolehlah diberi kepada bumiputra itu dengan jalan sewa atau sebagainya dahulu kemudian boleh dipotong daripada sewa itu dijadikan harga rumah. Bukankah ini molek dan Kerajaan pun senang. Kalau diberikan setengah ekar sahaja tanah kepada swasta ataupun Kerajaan membuat rumah sendiri beberapa banyak rumah pangsa boleh didirikan. Sebaliknya dengan keadaan sekarang ini hendak mencari tanah di dalam bandar, kalau 10 ekar tanahpun berapa ratus buah sahaja yang boleh dibuat? Jadi tidak mencukupi, tidakkah patut pihak Kerajaan atau pihak Kementerian Perumahan memikirkan perkara-perkara begini dengan pembangunan yang pesat di dalam bandar sekarang ini maka cara-cara membuat rumah pada masa yang lepas ini sudah sampai masanya direntikan dan difikirkan cara baru.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang patut Kementerian memikirkan perkara ini dan memang telahpun perkara ini difikirkan dan Kementerian serta Kerajaan menyedari sangat-sangat bahawa negara kita sekarang ini

sangat berkekurangan tanah dan kita tidak mampu lagi membina rumah-rumah di atas tanah yang memakan keluasan tanah yang besar.

Syor sebagaimana yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekarang ini sedang dikaji dan diteliti oleh pihak Kementerian saya dan pihak-pihak yang lain yang bersangkutan dengan masalah ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalannya begini: swasta buat rumah dan Kerajaan bercadang akan membeli rumah yang diperuntukkan kepada bumiputra itu seberapa banyak yang difikirkan. Jadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang mengawal harga rumah kos rendah itu sebab jikalau tidak dikawal harga rumah itupun tetapi tinggi, bumiputra tidak ada kemampuan juga walaupun dia menunggu setahun, dua tahun yang akan datang. Soal pokoknya swasta lebih suka sekarang ini membuat rumah dan Kerajaan membeli untuk bumiputra, dia tidak rugi. Jadi adakah Kerajaan bercadang membuat satu peruntukan rumah yang dibuat itu harganya sesuai dengan bumiputra kelas pertengahan umpamanya.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya suka membetulkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri itu, saya belum lagi mengatakan yang Kerajaan akan membeli, saya hanya mengatakan tadi syor dan pandangan ini sedang dikaji, jadi saya membetulkan perkara ini. Saya harap Dewan yang mulia ini memahami supaya tidaklah kenyataan saya ini terdahulu daripada keputusan Kerajaan. Barangkali perkara ini akan diumumkan apabila sampai masanya nanti, cuma saya mengatakan tadi pandangan ini sedang dikaji, sedang diteliti dan jika sesuai mungkin ianya akan dilaksanakan dan bila, cara mana dan detailnya bagaimana pelaksanaan itu terpulanglah apabila diumumkan kelak, jika dipersetujui.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abdul Razak itu supaya pihak Kerajaan mengawal harga rumah ini, setakat ini kita mengawal rumah yang dikenali dengan harga murah sahaja.

Jadi rumah yang dibina oleh swasta apabila ditakrifkan sebagai rumah harga murah maka harganya mengikut amalan sekarang ini tidaklah boleh melebihi daripada \$20,000. Ini ditetapkan. Dan ini juga sebagaimana kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan dalam masa kebelakangan ini ada desakan-desakan bahawa tingkatan ini juga perlu dikaji semula, tetapi setakat ini memanglah ditentukan, dihadkan rumah murah yang dibina oleh swasta tidak melebihi \$20,000 harga jualannya.

Berhubung dengan rumah-rumah jenis lain, jenis sederhana atau jenis tinggi yang setakat ini memanglah belum lagi dibuat satu kawalan yang ketat. Walaupun begitu, pihak Kementerian saya mempunyai satu badan perundingan dengan pihak persatuan pemaju-pemaju perumahan swasta dan sentiasa menasihati supaya pihak pemaju-pemaju tidaklah mengambil keuntungan dengan sesuka hati, dengan berlipatganda dan menindas pembeli-pembeli. Tetapi sebagaimana juga kita sekalian faham dan sebagaimana juga diberi pandangan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim baru sekejap tadi, bagaimanakah seorang pemaju hendak menjual sebuah rumah dengan harga murah kalau tanahnya terpaksa dibeli dengan harga yang begitu mahal, dan ini juga perlu dikaji dan diteliti. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa memerhati dan sentiasa berunding dengan pihak pemaju-pemaju supaya tidak mengambil keuntungan yang berlebihan sehingga dapat dianggap sebagai menindas pembeli-pembeli.

CUKAI JALAN BAGI KENDERAAN TUA

2. **Tuan Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji dengan tujuan untuk mengurangkan cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang lebih dari lima tahun.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang tua kerana cukai jalan dipungut berasaskan kapasiti atau isipadu enjin dan tidak mengikut umur kereta.

KELAYAKAN PERUBATAN UNIVERSITI DI INDIA

3. **Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah sekolah atau Universiti Perubatan di India yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan nyatakan apa dasar atau sistem yang digunakan dalam soal pengiktirafan sesebuah Universiti.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah memberi pengiktirafan kepada kelayakan Perubatan daripada 40 Institusi Pengajian Tinggi di India.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan tidak memberi penilaian dan pengiktirafan terhadap sesebuah Universiti. Penilaian dan pengiktirafan adalah dibuat terhadap kelayakan yang dikeluarkan oleh sesebuah Universiti atau Institusi Pengajian Tinggi baik di dalam mahupun di luar negeri. Pengiktirafan sesuatu kelayakan pengajian tinggi adalah tugas yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan dengan dibantu oleh 4 jawatankuasa kecil untuk menjalankan penilaian taraf pengajian yang dijalankan dari segi kandungan sukatan pelajarannya, tempoh pengajian, kelayakan untuk memasuki, tenaga pengajar, kemudahan untuk pembelajaran Jawatankuasa itu ialah:

- (i) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sains;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Teknik;
- (iv) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Perubatan dan Separa Perubatan.

Prinsip-prinsip yang dipakai oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan di dalam menjalankan tugas-tugas itu ialah:

- (i) penilaian dan pengiktirafan ke atas sesuatu kelayakan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan Kerajaan dari segi perlantikan pemegang kelayakan berkenaan;

- (ii) Keutamaan dari segi keperluan kelayakan dalam perkhidmatan Kerajaan adalah diberikan kepada kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan; dan
- (iii) Penyelarasan dari segi dasar mengenai pengiktirafan ke atas sesuatu kelayakan yang melibatkan Badan-badan Profesional hendaklah diselaraskan dengan badan-badan tersebut dalam membuat kajian ke atas kelayakan yang berkenaan itu.

Prestasi siswazah-siswazah daripada universiti-universiti atau institusi-institusi berkenaan adalah juga diambil kira untuk memastikan ianya mempunyai mutu atau taraf antarabangsa dan sesuai pula dengan kehendak negara.

BAHASA MALAYSIA/INGGERIS DALAM PEPERIKSAAN SPM

4. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa penuntut-penuntut di peringkat menengah tidak dapat menguasai pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik kerana mereka telah dibebankan dengan terlalu banyak mata pelajaran semasa di peringkat rendah (darjah satu hingga tiga).

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keputusan peperiksaan di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan SPM pada tahun 1979 adalah memuaskan. Keputusan bahasa Inggeris tidaklah begitu baik. Nampaknya perbezaan ini bahawa pelajar-pelajar di bandar mendapat keputusan yang lebih baik dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia daripada pelajar-pelajar di luar bandar. Oleh yang demikian adalah tidak benar untuk memutuskan yang kelemahan bahasa adalah berpunca semata-mata dari bebanan yang terdapat di kurikulum sekolah rendah. Latar belakang sosio-ekonomi, alat persekitaran pelajar-pelajar kesemuanya adalah penting di dalam proses pembelajaran kedua-dua bahasa ini.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, buat masa ini

Kementerian Pelajaran melalui Bahagian Pusat Perkembangan Kurikulum sedang menyusun semula kurikulum sekolah rendah berdasarkan daripada perakuan-perakuan yang dibuat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Pelajaran.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sesungguhnya kejatuhan menguasai pelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris saya memang percaya adalah daripada peringkat sekolah rendah sekali sebab adalah nyawa bagi pelajaran dalam dunia ini, apa juga bangsa dan apa juga pelajaran ialah membaca. Jadi yang paling penting ialah daripada masa sekolah rendah, saya tidak dapat nafikan.

Di sini ada disebut Darjah 1 hingga Darjah 3, saya bersetuju sebab itu saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya tahu di seluruh kurikulum negara kita pada masa ini Darjah 1 sampai Darjah 3 hanya kita memberi peluang membaca dalam sehari lebih kurang setengah jam (30 minit). Pada pendapat saya masa yang sangat terhad dan terbatas ini adakah sudah sampai masanya Kementerian akan menambah masa membaca di sekolah-sekolah terutama di peringkat sekolah rendah ini daripada setengah jam kepada 45 minit. Pada pendapat saya masa yang sangat terhad dan terbatas yang ada pada masa sekarang ini tidak dapat kita mengubahsuaikan bagi menanam semangat membaca yang sangat-sangat mustahak itu. Tuan Yang di-Pertua, saya teringat sebagaimana kita mahu membaca adalah kunci pengetahuan sebab itu pada pendapat saya kunci yang melemahkan pelajar-pelajar sampai tidak boleh membaca—kementerian tidak berani menolak kenyataan ini; memang tepat, ada berapa banyak yang tidak boleh membaca tetapi saya tidaklah mengatakan sampai 50% atau 40% ke atas, tetapi tidak dinafikan sampai tidak boleh membaca selepas keluar daripada sekolah rendah, saya tahu ini benar-benar.

Dengan sebab keadaan yang macam itu saya bersetuju alam sekeliling, suasana dalam rumahtangga ini semua bersangkut-paut tetapi yang sebenarnya pada pendapat saya tumpuan membaca terlampau terhad di

sekolah rendah di bahagian Darjah 1 sampai Darjah 3, tidak lebih daripada setengah jam seperti yang berjalan pada masa sekarang ini; Darjah 4 sampai Darjah 6 saya fikir tidak lebih daripada 45 minit. Sebab itu rasa saya adakah Kementerian dapat mengubah masa membaca bagi sekolah rendah ini ditambah supaya dapat kita mengatasinya. Masalah tidak tahu membaca ini adalah memalukan negara kita ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator itu, sebab itulah dalam penggubalan semula kurikulum kiraan tentulah dapat diambil berkenaan dengan memperkukuhkan bukan belajar tetapi membaca, mengira dan juga menulis iaitu "3M" yang kita akan dapat tekankan supaya dari peringkat awal-awal lagi, diperingkat tahap satu dan dua seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 9hb Disember tahun lalu adalah jelas bahawa kita tentulah akan memberi perhatian. Jadi pelajar-pelajar tentulah akan dapat perhatian dan pertimbangan kita di dalam penggubalan itu.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, benar atau tidak selain daripada memperkemaskan guru-guru bahasa, saya dapat ketahui bahawa Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk mendapatkan guru-guru bahasa Inggeris daripada luar negeri untuk mengajar anak-anak bangsa kita di sekolah-sekolah luar bandar?

Dato' Chan Siang Sun: Ya, benar. Ini cuma untuk peringkat menengah. Kita sudah minta 200 orang dan setakat ini cuma 47 orang baru sampai. Mereka sudah pun ditempatkan ke sekolah-sekolah menengah khasnya sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi yang bakinya akan datang pada tahun ini, jumlahnya 200 orang.

ELAUN AHLI RELA/RELAWATI

5. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar:

- (a) bahawa elaun yang diberi kepada ahli-ahli Rela/Relawati sangat kecil dan jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menambahnya; dan

- (b) bahawa tugas-tugas dan tanggungjawab pengarah/pegawai luar Rela adalah berat dan jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan bercadang akan menaikkan gaji/elaun mereka seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, RELA ditubuh sebagai barisan benting keselamatan negara yang terdiri dari kalangan rakyat jelata yang ingin berkhidmat secara sukarela tanpa upah atau balasan dari pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun ahli-ahli RELA, RELAWATI dibayar elaun oleh Ibu Pejabat RELA sebanyak \$5 sehari semasa mereka menghadiri kursus-kursus dan latihan-latihan yang dianjurkan oleh ibu pejabatnya. Di samping itu Ibu Pejabat RELA juga menyediakan makan minum, tempat tinggal dan memberikan tambang pergi balik semasa ahli-ahli RELA, RELAWATI menghadiri latihan kursus. Jika perkhidmatan RELA digunakan untuk membantu agensi-agensi lain maka bayaran elaun dibuat oleh agensi berkenaan. Kementerian tidak bercadang menambah elaun ahli RELA. Elaun ini dan juga elaun bagi tugas-tugas tertentu tidak dianggap sebagai upah kerana menjadi ahli RELA. RELA tetap sebagai badan sukarela.

(b) Saya sedar dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan satu cadangan skim tanggajaji baru bagi Pengarah RELA Negeri, Pegawai RELA Daerah dan Penolong Pegawai RELA Daerah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk dipertimbangkan.

Tan Sri Dato' Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa RELA ini adalah satu khidmat yang tidak dikehendaki dibayar gaji. Saya bersetuju. Tetapi kalau dipanggil kursus, cukupkah \$5 kalau dia mempunyai tanggungan. Dia mempunyai anak dan isteri walaupun dia makan free dalam latihan tetapi \$5 cukupkah dalam keadaan sekarang ini? Tidakkah Timbalan Menteri boleh menimbangkan semula atas peri

kemanusiaan, sebab \$5 ini Yang Berhormat sendiri pun boleh faham, apa yang dia boleh dapat? Jadi saya merayu sekarang ini, adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang menimbang semula keputusan tidak hendak membayar lebih daripada \$5 kepada satu angka yang lebih besar bagi menimbangkan orang ini dalam latihan, meninggalkan kampung halaman, meninggalkan anak isteri.

Tuan Sanusi bin Junid: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang berasa begitu bertanggungjawab untuk membela ahli-ahli RELA. Tetapi nampaknya ahli-ahli RELA dan RELAWATI kita sendiri tidak bersungut dalam hal ini dan mereka sanggup berkorban dan saya fikir elok kita sanjungkan semangat mereka dahulu dan jangan kita membuat satu rancangan yang mungkin nanti dapat mencemar sedikit semangat pengorbanan yang ada pada mereka sekarang ini.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, dengan elaun \$5 yang diberi kepada ahli RELA ini, adakah pihak Kerajaan sedar apabila mereka ini menjalankan tugas, menerima kemalangan, mati atau tertembak, adakah imbuhan-imbuhan akan diterima ataupun RELA begitu sahaja.

Tuan Sanusi bin Junid: Pada masa ini jika ada apa-apa kecederaan yang didapati oleh ahli-ahli RELA mereka dapat layanannya dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sama yang diberi kepada rakyat jelata lain yang mendapat bantuan-bantuan dalam keadaan biasa. Kita tidak akan memberi keistimewaan kepada ahli-ahli RELA sehingga keistimewaan itu menjadi sebab seseorang itu ingin menjadi ahli RELA atau RELAWATI.

ELAUN KERAJIAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI

6. **Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menerangkan sebabnya elaun Kerajaan bagi kakitangan-kakitangan akademik di kelima buah Universiti-universiti kita tidak sama dengan yang dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan mengikut tanggagaji Kabinet walaupun mereka berada

di dalam kategori yang sama. Umpamanya A8 diberi elaun A9 dan A6 diberi elaun A7.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, meneliti kepada soalan Yang Berhormat itu, mungkin 'Elaun Kerajaan' yang dinyatakan adalah bermaksud 'Elaun Keraian'. Ini adalah kerana lain-lain elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pegawai sektor awam termasuk Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan adalah sama kecuali elaun keraian.

Elaun Keraian yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi pegawai-pegawai dalam sektor awam adalah berasaskan kepada taraf jawatan sepertimana yang diuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1980. Sementara skim perkhidmatan ahli akademik Universiti berlainan sedikit daripada skim perkhidmatan jawatan sektor awam tersebut. Jawatan **Professor Madya** membawa tanggagaji A9 dan A8 manakala jawatan **Professor** pula membawa tanggagaji A7 dan A6. Oleh hal yang demikian itu **Professor Madya** (A9 dan A8) menerima elaun keraian sebanyak \$550 sebulan dan **Professor** (A7 dan A6) menerima \$800 sebulan. Dalam perkhidmatan sektor awam yang diperuntukkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1980 kadar elaun itu adalah berasaskan kepada gred jawatan.

Walau bagaimanapun Kerajaan telah menimbang semula elaun bagi jawatan **Professor** dan **Professor Madya** itu untuk dipinda. Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 yang sedang di dalam percetakan, kadar elaun keraian itu adalah seperti berikut:

Professor A6	—	\$1,000 sebulan
Professor A7	—	\$800 sebulan
Professor Madya A8	—	\$600 sebulan
Professor Madya A9	—	\$550 sebulan

BILANGAN MINIMA MURID DARJAH SATU

7. **Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Pelajaran menyatakan Bilangan minima murid-murid baru untuk membolehkan pihak

sekolah membuka kelas Darjah Satu di sekolah-sekolah di bandar dan di sekolah-sekolah di luar bandar.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah rendah di bandar, bilangan minima murid-murid baru untuk membolehkan kelas Darjah Satu dibuka ialah 30 orang, dan di luar bandar ialah 20 orang.

Bagi tempat-tempat yang terpencil bilangan murid baru yang kurang dari 20 orang boleh juga dipertimbangkan untuk mengujudkan kelas bercantum (multiple class teaching) bagi sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Dr Choo Kooi Fook.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

KEBUDAYAAN NASIONAL

8. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan mengikut satu polisi liberal untuk membenarkan proses pilihan dan penolakan semula jadi (Process of natural selection and rejection) dalam usaha mewujudkan kebudayaan nasional yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kebudayaan adalah dirancangan melalui penentuan objektif-objektif negara dengan ditentukan dasar dan strategi yang sesuai bagi menjamin pencapaian objektif-objektif tersebut. Ini adalah satu amalan yang bukan sahaja digunakan di Malaysia tetapi di mana-mana juga. Adalah diharapkan dengan adanya landasan yang wajar dan kukuh yang ditubuhkan terlebih dahulu dan dengan sumbangan dan peranan yang positif dari semua golongan masyarakat Malaysia pembentukan Kebudayaan Kebangsaan yang dapat diterima oleh semua rakyat Malaysia dapat dicapai secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan S. I. Rajah.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

PENUKARAN TANAH PROJEK PERUMAHAN

9. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Majlis Tanah Negara yang bermesyuarat dalam bulan September tahun ini telah menubuhkan "Task Force" di tiap-tiap Negeri untuk mempercepatkan penukaran tanah bagi projek-projek perumahan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini tidak ada mesyuarat Majlis Tanah Negara dalam bulan September tahun lalu. Mesyuarat Majlis Tanah Negara kali yang ke 33 hanya diadakan pada 13hb Disember, 1980. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak ada dibincangkan.

DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL

10. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) nisbah (ratio) jumlah doktor yang ditempatkan di sebuah hospital dalam satu kawasan mengikut kepadatan penduduk dan luas kawasan; dan
- (b) sama ada dua orang doktor adalah mencukupi untuk hospital Kuala, Pulau Langkawi yang mempunyai 30,000 orang penduduk, jika tidak nyatakan apa tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, bilangan jawatan-jawatan pegawai perubatan bagi sesebuah hospital yang tertentu itu pada kelazimannya adalah berasaskan kepada beban kerja hospital yang berkenaan. Luasnya kawasan dan kepadatan penduduk bagi sesebuah Negeri itu adalah merupakan faktor-faktor yang lain yang diambil kira bagi menentukan bilangan dan besarnya hospital-hospital yang perlu dibina dalam Negeri tersebut.

Hospital Daerah Pulau Langkawi mempunyai sebanyak 108 buah katil dengan kadar penghuni purata (occupancy rate) hanya 41% sahaja. Hospital ini mempunyai 4

jawatan Pegawai Perubatan yang mana dua daripadanya telahpun diisi sekarang. Apabila masalah kekurangan doktor-doktor telah dapat diperbaiki kelak, maka segala usaha akan dibuat untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang ada di seluruh negara sekarang secara sama rata.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan S. Subramaniam.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 11.

SKIM BIASISWA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

11. **Tuan V. V. Aboo** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa selain dari biasiswa-biasiswa yang diberi dari peringkat Kerajaan Pusat, tiap-tiap Negeri di Semenanjung Malaysia, melainkan Wilayah Persekutuan, memberi biasiswa-biasiswa kepada siswazah-siswazah di institusi-institusi pelajaran tinggi. Jika ya, adakah beliau bercadang untuk memulakan satu skim biasiswa yang serupa untuk menolong siswazah-siswazah dari golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa selain dari biasiswa-biasiswa yang diberi dari peringkat Kerajaan Pusat, Wilayah Persekutuan tidak ada memberi apa-apa biasiswa kepada mahasiswa-mahasiswa di institusi-institusi pelajaran tinggi sebagaimana yang dibuat oleh tiap-tiap negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Rancangan untuk mengadakan satu skim biasiswa yang serupa untuk menolong siswazah-siswazah terutama dari golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan sedang dikaji oleh Kementerian saya. Rancangan ini adalah berbentuk penubuhan Yayasan Pelajaran Wilayah Persekutuan yang akan mempunyai tabung khas untuk tujuan mengeluarkan biasiswa. Adalah diharap wang untuk tabung ini akan didapati dari Kerajaan, swasta dan dermawan-dermawan.

TANAH SIMPANAN MELAYU

12. **Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sejak merdeka hingga sekarang berapa buah negerikah yang telah mengikut kehendak-kehendak Artikul 89 (2) Perlembagaan Persekutuan dan berapa luaskah tanah-tanah simpanan Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi penggunaan awam dan Projek-projek Kerajaan; dan
- (b) adakah tanah-tanah simpanan Melayu yang telah diambil balik itu telah digantikan kesemuanya.

Dato Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, (a) semua negeri memang mematuhi kehendak-kehendak Artikul 89 (2) Perlembagaan Persekutuan. Kementerian ini juga tidak mempunyai data-data berapa luaskah tanah-tanah simpanan Melayu yang diambil balik oleh Kerajaan bagi kegunaan projek-projek Kerajaan, oleh kerana perkara pengambilan balik tanah ini adalah diuruskan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

(b) Adalah diluar pengetahuan Kementerian ini sama ada tanah-tanah simpanan Melayu yang telah diambil balik telah diganti kesemuanya atau tidak. Walau bagaimanapun Kementerian ini sedang membuat kajian yang lengkap mengenai perkara ini dan satu unit khas telahpun ditubuh di Kementerian ini untuk menolong mencari data-data yang dikehendaki itu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih di atas jawapan itu dan terima kasih lagi di atas tindakan Kerajaan yang sedang mengambil berat. Tetapi saya juga hairan adakah dalam masa 23 tahun kita telah merdeka ini pihak Kerajaan Persekutuan yang menaungi Perlembagaan Persekutuan tidak ada menyimpan rekod-rekod berhubung dengan perkara yang begitu penting, lebih-lebih lagi berhubung dengan tanah simpanan Melayu ini adalah suatu perkara yang utama yang dikhaskan di dalam Perlembagaan. Jadi jikalau sekiranya mana-mana negeri yang menyeleweng kegunaannya tidakkah sepatutnya pihak Kerajaan Persekutuan

memberi amaran ataupun sekurang-kurangnya memberi teguran-teguran kepada Kerajaan Negeri itu supaya menuruti apa yang dicatat di dalam Perlembagaan. Sekarang ini misalnya timbul di dalam suratkhabar.

Ada setengah Menteri Besar Negeri itu menyatakan saya tidak akan membenarkan lagi negeri saya mengambil tanah-tanah simpanan Melayu bagi kegunaannya kerana tanah-tanah yang telah diambil itu tidak digantikan. Saya tidak hendak sebut Menteri Besar mana, tetapi perkara ini telahpun dinyatakan di dalam surat-surat khabar dan dibaca oleh seluruh rakyat. Tidakkah menjadi perkara yang ajaib seumpama ini, Kerajaan Negeri mengambil tanah simpanan Melayu bagi apa-apa kegunaan kemudian tidak digantikan, pada hal Perlembagaan menyatakan mesti digantikan. Apakala ditanya pihak Kementerian pula bagi pihak Kerajaan Persekutuan maka jawabnya perkara ini tidak ada di dalam rekod dan baru hendak dibuat. Macam mana ini?

Saya minta ketegasan daripada pihak Kementerian dalam perkara ini supaya perkara ini cukup-cukup memberi puas hati kepada pihak berkenaan.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang semacam itu berlaku tetapi seperti kata orang berat mata memandang berat lagi bahu memikul. Seperti yang kita tahu dan Yang Berhormat Senator-senator juga tahu masalah tanah ini masalah negeri. Jadi terlalu sensitif negeri-negeri ini kalau kita mengeluarkan arahan atau perintah kerana dalam soal tanah Kerajaan Negeri adalah terlalu possessive. Yang kita boleh buat ialah berunding dengan dia dan sekarang ini kita sedang berunding dalam perkara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Saya juga hendak campur dalam hal ini dan saya hendak bertanya. Maknanya sekarang soal tanah di seluruh tanahair kita Malaysia ini adalah hak Kerajaan Negeri dan tidak ada sangkut paut dengan pusat. Saya amat terkejut kerana negeri ini mengikut Perlembagaan kita di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat. Walaupun memang ada hak otonomi bagi negeri masing-masing

berhubung dengan tanah tetapi rasa saya tidak lari fahaman saya bahawa negeri mesti dirujuk apa yang diatur oleh pusat.

Misalnya katalah kalau Kerajaan Pusat memanggil Menteri Besar tidak ada sebab Menteri Besar tidak mahu datang ke pusat mendengar taklimat Menteri Pusat berkenaan dengan tanah dalam negara kita ini. Adalah amat ajaib kalau benar-benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tanah itu adalah di bawah kuasa penuh Kerajaan Negeri, tidak ada kena mengena dengan Kementeriannya ataupun Kerajaan Pusat kita ini.

Sebab itu saya hendak tanya betul-betul dalam Perlembagaan negeri kita ini adakah benar kuasa tanah 100% di bawah kuasa negeri dan tidak boleh campur tangan apa-apa oleh Kerajaan Pusat kita?

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara ajaib, ini bukan dalam soal Kementerian Tanah sahaja. Jadi kalau pun kita keluarkan arahan misalnya perkara mutlak soal tanah ini adalah hak negeri. Sepuluh kali kita keluarkan arahan, sepuluh kali kita panggil dia, Menteri Besar misalnya, kalau tidak dijalan pun tidak boleh buat apa juga. Itulah saya katakan tadi prinsip dalam soal tanah ini menghargai kerana perkara ini sensitif, menghargai hak negeri itu dan kita cuba buat mengkordinasikan undang-undang itu dan berunding dengan pihak negeri. Daripada masa-masa yang lalu rundingan itu memberi lebih faedah daripada mengeluarkan arahan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Maafkan saya sebab saya hendak tanya tentang tidak adakah kuasa Kerajaan Pusat itu—itu sahaja saya hendak tanya.

Dato' Shariff Ahmad: Tidak ada.

PERTIKAIAN IRAQ—IRAN

13. **Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap pertikaian Iraq/Iran.

Sepertimana kita semua tahu tanggungan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini bukan sahaja mengambil (recruit) pegawai-pegawai, adalah juga menjadi tanggungjawab Suruhanjaya ini mengenai kecergasan ataupun keselisian ataupun efficiency pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi kalau kita tilik dengan tulus ikhlas, kita pandang dengan secara rasional di bahagian efficiency atau di bahagian penurunan pangkat, ataupun diturunkan pangkat (demoted) atau ditahankan gaji nampaknya amat sedikit berlaku. Apa yang lebih banyak berlaku ialah berkenaan dengan ketetapan di dalam jawatan ataupun persaraan atau kenaikan pangkat ataupun pertukaran biasa dan sebagainya. Ini telah ketidak seimbang di dalam fungsi Suruhanjaya ini telah mengakibatkan sedikit sebanyak timbul kepincangan di dalam Perkhidmatan Awam.

Apa yang disebutkan kepincangan ini ialah lahir daripada sungutan-sungutan daripada peniaga-peniaga, industrialists dan juga mereka yang mengharapkan perkhidmatan daripada pegawai-pegawai yang dipilih melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Inilah saya ingin menarik perhatian Kerajaan supaya kesemua fungsi yang ditentukan di dalam Perlembagaan yang dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah dikendalikan dengan sepenuhnya supaya mencapai matlamat tujuan atau motif atau kehendak, maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini ditubuhkan. Dengan kerana kita semua tahu bahawa seorang yang menjadi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah dan semua urusan-urusan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah sulit, yang tidak boleh diberi ketahui akan sesiapa pun, saya rasa ini adalah sudah cukup untuk melindungi ahli-ahli di dalam Suruhanjaya itu untuk menjalankan tugas dengan sempurna demi satu Perkhidmatan Awam yang lebih efficient, lebih cekap dan tidak rasa simpati atau tidak rasa kecenderungan di dalam mana-mana pihak. Saya harap dengan kelulusan Bil ini, dengan bertambahnya elaun kepada Public Service Commission, kita adalah mengharapkan satu Service Commission yang betul-betul cekap, yang betul-betul berkeupayaan yang dapat memenuhi

kehendak ekonomi dan sosial kita yang kian hari kian mencabar. Inilah harapan saya dan saya dengan ini, dengan sukacitanya menyokong Bil ini.

3.47 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan sambungan satu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, 1967 ini, maka sukacitalah saya turut memberi pandangan di mana Rang Undang-undang ini patut disokong kalau Kerajaan telah betul-betul mengkaji serta sesuai dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan agar kedudukan dan taraf ahli Suruhanjaya ini tidak terjejas dengan kenaikan-kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan, juga kemudahan-kemudahan lain yang sesuai dengannya patut dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang patut diperhatikan dengan harapan kesempurnaan perjalanan tiap-tiap Suruhanjaya ini ialah masa urusan dan cara urusan dan tindakan kadang-kadang banyak mendatangkan rungutan-rungutan pekerja-pekerja pertengahan dan bawahan yang telah lama berkhidmat dan yang telah berpengalaman. Kadang-kadang oleh kerana mahu perubahan tadi atau akan diadakan perubahan maka banyak pegawai tertinggal dan diabaikan kerana sebab-maaf, ada pilih kasih, pilih kerja dan pilih tempat. Maka perkara-perkara yang seperti ini sepatutnya menjadi perhatian utama apabila menghendaki perubahan janganlah ada pegawai-pegawai dipindahkan atau diabaikan sehingga banyak kerugian dan ketinggalan pangkat, gaji dan elaun.

Tuan Yang di-Pertua, juga ahli-ahli Suruhanjaya ini terutama Pengerusinya hendaknya mestilah bertindak tegas dengan tujuan dan jawatannya, hendaknya ia janganlah dapat dipengaruhi oleh kerana ada rayuan demi bagi kepentingan diri seorang itu. Walaupun banyak alasan yang memang sesuai diadakan, hingga dengan demikian terpaksa mengorbankan kawan sekerja yang terpaksa berkorban terus-terusan kerana ada yang tak pandai mengampu dan tidak pandai mengadakan alasan dan sebagainya.

Juga perhatian tegas hendaklah diberi agar masalah ini biarlah pegawai-pegawai yang betul-betul berkebolehan dilantikan pada jawatan yang sesuai apa lagi kalau ia telah ada pengalaman, ada kelulusan yang begitu tinggi. Maka tidaklah patut diperbandingkan dengan pegawai-pegawai muda walaupun ia tidak ada berkelulusan sebagai orang yang telah lama tetapi ada pengalaman, baru dapat bertugas. Janganlah tindakan terburu-buru diambil, hendaklah kita ikut kata pepatah orang tua-tua: rambut jangan putus, tepong jangan berselerak, kedua-duanya sama-sama biarlah selamat.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya kemukakan kerana sangat banyak rungutan yang saya dengar dan ada setengah datang membuat pengaduan mereka mengatakan: Kalau dahulu kami dapat menambah pendapatan dengan banyak kerja overtime tetapi dengan datangnya Jawatankuasa Gaji Kabinet kerana mahu buat perubahan, mahu maju, mahu cepat dan progresif tak ada pula dibayar overtime tetapi kerja mahu lebih macam ada overtime juga. Maka keadaan ini amat menyedihkan. Maka dalam perkara ini umpamanya saya berikan satu-dua contoh seperti Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, Waden-waden dan sebagainya kurang dapat tambahan pendapatan dari dahulu kerana kerja separuh masa dan tak tentu waktu. Sudahlah gaji mereka rendah, overtime tak dibayar, inflasi dihadapi pula, anak-anak tanggungan mereka paling ramai, apa lagi kalau dihadapi pada awal-awal tahun. Maka dalam hal inilah, Tuan Yang di-Pertua, walaupun serba ringkas dapat saya memberikan pandangan ini, saya rasa pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian ini dengan cermat dan dapat mengadakan perubahan dengan teliti kerana masalah ini datang daripada pihak-pihak berkenaan yang tak ada tempat untuk membuat pengaduan dari hati ke hati maka di sini kita dapat memberikan pandangan dan perhatian kepada pihak berkenaan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak ada lagi yang saya hendak tambah kerana saya pandang Bil ini dari semalam banyak sudah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan oleh itulah sahaja untuk menyampaikan hasrat dan sungutan yang

datang dari pihak yang berkenaan. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.53 *ptg.*

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut dalam Huraian Rang Undang-undang ini tujuan pindaan ini dibuat ialah untuk menyelaraskan gaji Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan elaun tetap setiap ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan masing-masing dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di bawah penyemakan gaji baru-baru itu.

Saya rasa memang sudah wajar dan tepat masanya gaji dan elaun ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan ini diselaraskan dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan baru-baru ini, tetapi di samping itu saya berharap dengan kenaikan itu tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan hendaklah lebih berkesan lagi dari masa-masa yang sudah. Segala kelemahan yang terdapat di dalam Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan tersebut haruslah diteliti dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap panjang, sekian sahaja yang dapat saya perkatakan di samping menyokong Rang Undang-undang ini.

3.55 *ptg.*

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957 dengan tujuan menyokong pindaan Rang Undang-undang tersebut. Pada hemat saya Rang Undang-undang ini adalah perlu bagi menyelaraskan gaji dan elaun Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta ahli-ahli tetap dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di bawah penyemakan gaji baru-baru ini. Saya berharap penyelarasan ini yang menambah gaji dan elaun Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahlinya akan

Kementerian untuk menubuhkan sebuah Pusat Cardiothoracic di Kuala Lumpur bagi merawat kes-kes sakit jantung. Pada setakat ini, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada kenyataan-kenyataan yang diterangkan dahulu.

KONFLIK IRAN—IRAQ

18. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pandangan dan dasar Kerajaan di dalam krisis peperangan Iran/Iraq;
- (b) sama ada peperangan Iran/Iraq ini akan menjeksia hubungan Diplomatik di antara Malaysia/Iran;
- (c) peranan atau langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencari jalan menyelesaikan krisis Iran/Iraq ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Konflik antara Iran dan Iraq ialah satu konflik yang mendukacitakan rakyat dan Kerajaan Malaysia serta dunia Islam keseluruhannya. Pendirian Malaysia terhadap konflik ini ialah satu pendirian berkecuali.

Bagi menjawab bahagian (b) soalan Ahli Yang Berhormat, saya tidak nampak bagaimana konflik itu boleh mempengaruhi hubungan kita dengan kedua-dua buah negara itu atau negara-negara Arab yang lain memandangkan pendirian berkecuali kita.

Tentang bahagian (c), saya sendiri telah menghadiri dua Mesyuarat Negara-negara Islam peringkat Menteri-menteri Luar di New York baru-baru ini, untuk mencari jalan menyelesaikan konflik itu dengan seberapa segera. Sementara itu, Y.A.B. Dato' Perdana Menteri telah bersetuju dengan undangan President Zia Ul-Haq, Pengerusi PPI untuk menganggotai satu Missi Muhibbah Enam Orang Ketua Negara/Kerajaan PPI bagi melawat Teheran dan Baghdad. Malaysia sedang menunggu perkembangan lanjut mengenai Missi ini daripada President Zia.

Bersama-sama dengan negara-negara PPI yang lain, Malaysia akan mengambil kesempatan Persidangan Kemuncak Islam yang akan datang untuk mencari jalan bagi membawa Iran dan Iraq ke meja perundingan.

“SPECIAL MALAY CLASS” SISTEM PELAJARAN

19. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghidupkan semula sistem pelajaran “Special Malay Class” untuk membolehkan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Malaysia dan Inggeris dengan baik.

Dato' Chan Siang Sun: Kerajaan tidak bercadang hendak menghidup semula sistem pelajaran “Special Malay Class” kerana sistem itu tidak sesuai. Sistem ini di masa penjajahan dahulu ialah untuk segolongan murid-murid dari Sekolah Melayu yang hendak melanjutkan pelajaran mereka di Sekolah Menengah Inggeris. Sekarang sistem pelajaran kebangsaan kita menggunakan Bahasa Malaysia sehingga ke peringkat Universiti. Bahasa Inggeris ialah bahasa kedua di sekolah-sekolah dan oleh itu apa yang diperlukan ialah memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Rendah dan ini sedang dibuat.

PERANG SAUDARA NEGARA-NEGARA ISLAM

20. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau telah mengambil langkah bagi membuat perhubungan diplomatik untuk mereda atau memberhentikan bahaya perang saudara seugama di antara negara-negara Islam.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Saya telah pun sebentar tadi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang seakan-akan serupa ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan dan Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo. Saya tiada apa-apa yang hendak ditambah.

BELIAWANIS—PAKAIAN DALAM PERBARISAN/PERARAKAN UMUM

21. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tindakan Kerajaan terhadap pakaian beliawanis yang menonjolkan rupa bentuk tubuh di dalam perbarisan-perbarisan

dan perarakan umum supaya pakaian ini lebih sesuai dengan semangat wanita dan ugama Islam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menentukan supaya peserta-peserta dalam perbarisan dan perarakan umum anjuran Kerajaan memakai pakaian yang bersopan.

Peraturan yang ditetapkan ialah bagi wanita Melayu memakai kebaya labuh atau baju kurung berselindang, dan bagi wanita keturunan China dan India memakai pakaian tradisi masing-masing atau kebaya atau kurung. Dalam pada itu, kita tidak dapat menahan atau menentukan bahawa beliawanis tidak boleh menonjolkan rupa bentuk tubuh mereka kerana ini adalah satu pemberian dan nikmat Tuhan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (6hb Januari, 1981).

Perbahasan disambung semula.

3.37 ptg.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan semalam saya telah menyebutkan iaitu mengenai dengan komposisi Ahli-ahli dalam Public Service Commission yang sehingga kini nampaknya adalah kebanyakan terdiri daripada Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan yang telah bersara untuk menduduki atau dilantik sebagai ahli-ahli di dalam service commission ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita mencapai kemerdekaan, iaitu tahun 1975 Suruhanjaya ini telahpun dilantik kira-kira sudah hampir suku abad dan dalam masa yang begitu panjang penambahan pegawai-pegawai

Kerajaan dan juga kakitangan-kakitangan Kerajaan sehingga hari ini telah melebihi setengah juta kakitangan dan beberapa keadaan pentadbiran tidak lagi seperti masa dahulu, iaitu kebanyakan daripada peranan-peranan Kerajaan yang mana pegawai-pegawai yang dipilih melalui Suruhanjaya ini bertambah sophisticated dengan adanya tumbuh berbagai-bagai perusahaan dan perniagaan yang pada masa dahulunya tidak ada.

Oleh itu komposisi ahli-ahli di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah baik jika dapat mencerminkan perubahan ekonomi dan sosial yang berlaku di dalam negara kita. Saya percaya pada masa tertubuhnya Suruhanjaya ini pada kira-kira 23 tahun yang lalu bukan sahaja kita, tetapi juga Kerajaan-kerajaan atau kuasa-kuasa besar ataupun orang-orang Inggeris sendiri tidak menganggap bahawa kita akan mencapai matlamat pemerintahan yang ada pada hari ini.

Sebagai contohnya sepertimana yang kita semua maklum bahawa Kerajaan Inggeris telah menentukan pencen-pencen kepada pegawai-pegawai expatriate hendaklah dibayar dengan wang British pound dengan kerana pada masa itu mereka tidak menyangka bahawa ekonomi dan politik Tanah Melayu akan jadi begitu maju dan hingga mengakibatkan mereka mendapati kerugian yang besar kerana pada masa itu satu pound Inggeris adalah sama dengan \$8 Malaysia dan pada masa ini saya kira ada lebih sedikit daripada \$5. Jadi bermaknalah pesara-pesara yang di bawah expatriation itu telah menerima bayaran yang jauh kurang daripada yang sepatutnya diterima. Ini adalah kerana mereka tidak menyangka bahawa kedudukan Malaysia akan menjadi begitu kukuh di dalam pentadbiran dan iktisad. Jadi apa yang saya ingin tegaskan di sini, oleh kerana tanggungan Service Commission ini jauh berbeza dan corak pegawai-pegawai juga adalah berlainan dari pegawai-pegawai dahulu, maka patutlah juga komposisi Service Commission ini terutamanya di dalam bahagian Public Service Commission ataupun Railway Service Commission dan lain-lain patutlah mencerminkan keadaan perubahan yang berlaku pada masa ini.

menjadi satu galakan bagi mereka untuk menjalankan tugas yang mereka hadapi dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak yang berkenaan supaya semua Suruhanjaya Perkhidmatan diwakili oleh semua lapisan rakyat dari segala masyarakat di negara ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan memikul tanggungjawab yang berat kerana ahli-ahli Suruhanjaya ini diamanahkan untuk melantik pegawai-pegawai Kerajaan untuk mentadbirkan negara kita yang sedang maju. Saya yakin dan percaya bahawa Suruhanjaya ini terus memainkan peranan mereka dengan adil dan saksama.

Itulah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan memberikan pandangan mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) ini.

Saya akan cuba menjawab seberapa yang boleh di atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan suka saya menyatakan mengenai perkara-perkara yang saya tidak beri jawapan saya akan ambil tindakan sewajarnya kemudian kelak.

Ahli Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook telah membangkitkan juga berkenaan komposisi kaum dalam masa mengambil kakitangan baru oleh Suruhanjaya Perkhidmatan. Suka saya menyatakan dalam masa mengambil kakitangan baru biasanya permohonan-permohonan yang diterima dari satu kaum tertentu adalah melebihi dari satu kaum yang lain. Dengan yang demikian, setelah diproses dan ditemuduga maka satu

kaum yang tertentu itu tentu menjadi lebih. Juga Suruhanjaya Perkhidmatan ini dipandu oleh kelayakan-kelayakan yang dikehendaki oleh Scheme of Service ataupun yang dinyatakan di dalam iklan-iklan. Dalam menjalankan tugasnya Suruhanjaya Perkhidmatan itu biasanya berbandukan juga kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan undang-undang yang ada di dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid, Yang Berhormat Senator Dato Haji Khalid, Yang Berhormat Senator Tuan Yap Peng dan Yang Berhormat Senator Tuan K. Kumaran juga meminta orang-orang yang hendak dipilih menjadi ahli-ahli Suruhanjaya ini hendaklah terdiri daripada mereka yang berpengalaman, jujur dan mempunyai peribadi yang baik. Mereka yang dipilih kelak sebagai kakitangan-kakitangan Kerajaan hendaklah juga orang-orang yang jujur dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang dikatakan menjadi duri dalam daging dan tidak mengikut peraturan kerja serta tidak bertanggungjawab, sukalah saya menyatakan pada masa ini Kerajaan kita ada kira-kira 500,000 ataupun ½ juta orang kakitangan di semua peringkat. Ambil secara keseluruhannya Perkhidmatan Awam negara Malaysia kita ini adalah satu daripada perkhidmatan-perkhidmatan awam yang terbaik dalam dunia ini. Dalam ramai itu tentulah ada sebilangan kecil sahaja kakitangan-kakitangan dalam Perkhidmatan Awam ataupun, dengan izin, dalam bahasa Inggerisnya a negligible number yang dikatakan tidak bertanggungjawab dan tidak menghiraukan peraturan-peraturan kerja dan juga menyeleweng dari tugas-tugasnya.

Sayugia saya menyatakan di sini tindakan-disiplin sudah dan akan diambil terhadap bilangan yang kecil yang dikatakan tidak mengikut peraturan kerja dan tidak bertanggungjawab serta yang menyeleweng itu. Patut juga ditegaskan di sini iaitu di masa-masa yang lampau tindakan-tindakan disiplin itu pergi sehingga diberhentikan setengah-setengah pegawai Kerajaan walaupun masanya belum sampai lagi.

Saya suka mengatakan juga di sini iaitu mana-mana pegawai yang bekerja dengan cekap dan cemerlang, maka mereka diberi peluang untuk kenaikan pangkat yang cepat. Tentu bagi Kerajaan kita yang dipilih oleh rakyat ini setiap masa memelihara Perkhidmatan Awam yang cekap, jujur dan dedicated.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak dan Yang Berhormat Tuan Ibrahim meminta supaya mengadakan terjemahan bagi kesemua pindaan-pindaan yang dikemukakan, walaupun belum ada naskhah sah sah terjemahan undang-undang itu ke Bahasa Kebangsaan. Terjemahan seperti yang dikehendaki itu buat masa ini tidak dapat diadakan oleh kerana pertama, apa yang dilakukan sekarang iaitu amalan sekarang adalah mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada termasuklah peraturan Dewan Senate kita ini.

Keduanya undang-undang terjemahan kepada undang-undang itu belum ada lagi di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ketiga, kakitangan yang tidak mencukupi untuk membereskan kerja-kerja terjemahan itu. Setiap kali ada Persidangan Dewan Rakyat atau Dewan Senate maka banyaklah kerja-kerja yang terpaksa dijalankan oleh Pegawai Undang-undang kita untuk menyediakan undang-undang baru ataupun membuat pindaan-pindaan kepada undang-undang yang ada dan kadangkala kita dapati Rang Undang-undang itu hanya dapat diserahkan kepada Ahli-ahli Dewan pada saat-saat yang akhir.

Semenjak tahun 1967 kesemua undang-undang baru adalah dikehendaki dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan. Bilangan penterjemah yang dapat kita tambah kepada sesi penterjemahan baru-baru ini hanya 7 orang sahaja. Ini adalah oleh kerana tidak ada calon yang berminat dan boleh kita ambil sebagai pegawai-pegawai penterjemahan. Kerja-kerja penterjemahan adalah berkehendakkan kepada satu kebolehan dan satu minat yang secara bersendirian, bagaimanapun pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu mengenai

dengan penterjemahan akan saya ambil ingatan bagi tindakan selanjutnya dan lebih berkesan di masa akan datang apakala suasana mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak Kerajaan sedar sangat bahawa adalah penting kita mendaulatkan lagi Bahasa Kebangsaan terutamanya di dalam bidang perundangan dan kehakiman. Tetapi kadangkalanya terpaksa kita menghadapi banyak kerumitan dalam hendak melaksanakan cita-cita ataupun aspirasi orang-orang kita itu.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak juga meminta supaya Perlembagaan kita dipinda bagi menyelaraskan undang-undang yang ada di Semenanjung dan di Malaysia Timur serta juga mengenai Suruhanjaya Polis dan sebagainya, perkara ini kenalah kita teliti dengan lebih lanjut lagi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bertanya kiranya kedua-dua Bill Suruhanjaya Perkhidmatan dan Suruhanjaya Pilihanraya dapat dikemukakan sekali gus supaya tidak membuang masa dan melicinkan perjalanan. Jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak dapat dilakukan oleh kerana kedua-duanya undang-undang itu adalah berasingan walaupun tahun kedua-duanya sama itu 1957.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Abdullah memohon juga supaya dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ditambahkan dengan lebih banyak maklumat-maklumat lagi. Mengikut amalan biasa Huraian di dalam Rang Undang-undang tidaklah boleh terlalu panjang kerana pada masa mengemukakan satu-satu Bil, maklumat-maklumat yang dikira mustahak telah pun dikemukakan oleh Menteri-menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri berkenaan. Dalam pada itu pun tentulah tidak lengkap dan masih banyak yang perlu diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sinilah kadangkala Ahli-ahli Yang Berhormat berhajat untuk merujuk sendiri kepada undang-undang itu yang saya faham ada banyak di dalam Perpustakaan Parlimen kita ini.

Mengenai dengan pertanyaan kenapa Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

dapat lebih gaji daripada yang lain-lain, sukalah saya menyatakan iaitu sebabnya ialah Pengerusi itu terpaksa menanggung bebanerja yang lebih daripada yang lain-lain. Dia juga terpaksa meliputi kerja bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis kerana di sana tidak ada Suruhanjaya Perkhidmatan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah melahirkan kebimbangan iaitu ahli-ahli Suruhanjaya berkemungkinan dipengaruhi ataupun memilih kasih di dalam menjalankan tugas-tugasnya. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan iaitu Suruhanjaya adalah bebas mengikut Perlembagaan kita. Segala tindakan-tindakan tidak boleh dicabar di mana-mana dan sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini bahawa Suruhanjaya-suruhanjaya kita tetap akan terus mengambil sikap bebas dan mengikut Perlembagaan di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Yang Berhormat Senator Yap Peng dan juga Yang Berhormat Senator K. Kumaran juga meminta supaya ahli-ahli Suruhanjaya dipilih daripada mereka yang benar-benar layak dan berpengalaman supaya dapat mencerminkan kecekapan pentadbiran dan juga perkhidmatan awam kita di Malaysia ini. Seperti yang saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah menjadi amalan dan ingatan Kerajaan kita. Kita akan terus mengambil ahli-ahli yang benar-benar layak, berpengalaman dan mempunyai peribadi yang baik untuk menduduki di dalam Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

4.18 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Pengerusi, saya ingin membuat sedikit penjelasan di sini mengenai jawapan dari Timbalan Menteri berkenaan ucapan saya di Dewan yang mulia ini iaitu saya harap Suruhanjaya akan mengambil kakitangan-kakitangan seimbang bagi mencerminkan komposisi kaum di negara ini. Memang tidak dapat dinafikan permohonan-permohonan dari satu kaum memang terlalu banyak, umpamanya, Suruhanjaya menerima 100,000 permohonan tetapi dari 100,000 permohonan ini 90,000 adalah dari satu kaum dan bakinya 10,000 adalah dari kaum-kaum yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh bercakap lagi, tadi sudah bercakap.

Dr Choo Kooi Fook: Bolehkah saya mempersoalkan dalam Jawatankuasa?

Tuan Pengerusi: Di bawah Fasal mana?

Dr Choo Kooi Fook: Maksud saya persoalan ini tidak boleh ditimbulkan dalam Jawatankuasa?

Tuan Pengerusi: Fasal mana Ahli Yang Berhormat hendak bercakap sekarang, Fasal 1 atau Fasal 2?

Dr Choo Kooi Fook: Di bawah Fasal 2 mengenai tugas-tugas Pengerusi Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi: Baik, sila teruskan.

Dr Choo Kooi Fook: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya menyatakan Suruhanjaya telah menerima 100,000 permohonan tetapi jawatan-jawatan yang harus diisi hanya 10,000 sahaja. Jumlah permohonan yang datang daripada satu kaum ialah 90,000 manakala baki 10,000 dari kaum-kaum lain. Mengikut penjelasan yang diberi tadi oleh Timbalan Menteri itu memang kita hendak memberi keutamaan bagi kaum yang memohon hingga 90%. Memang saya bersetuju tetapi harus kita faham kini kita sedang berusaha dalam menyusun semula masyarakat kita. Oleh kerana itu saya merayu

kepada Timbalan Menteri itu agar janganlah bertindak demikian kerana kalau kadar 10% kakitangan diambil dari jumlah 90,000 permohonan, bermakna 9,000 akan berjaya dalam permohonan ini. Dari golongan yang kecil yang terdiri dari 10,000 pemohon-pemohon itu kita ambil 10% iaitu 1,000. Dengan ini kita tidak menyusun semula masyarakat kita. Kalau kita tidak menyusun semula masyarakat mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru pengambilan ini saya setuju memandangkan hakikat kita sedang menyusun semula masyarakat kita menghapuskan identity kaum dengan pekerjaannya, jadi saya merayu janganlah kita melaksanakan sistem pengambilan ini agar tidak bercanggah dengan dasar ekonomi kita iaitu menyusun semula masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

4.22 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Pengerusi, saya berucap dalam bahagian Chairman Public Services Commission.

Tuan Pengerusi, saya mohon ditimbang oleh Kerajaan gaji \$4,660 ini tidak mencukupi sebagai seorang ahli Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Alasannya pertama sekali dia menjadi Pengerusi Perkhidmatan Awam, kedua dia juga menjadi Pengerusi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang, ketiga dia menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Jadi \$4,660 ini tidak mencukupi sebagai hakikatnya dia memegang Pengerusi yang besar. Saya mohon kepada Kerajaan supaya menimbang elaan yang lebih besar.

Kedua; sepanjang yang saya tahu Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini masih belum dipenuhi, sedangkan tugasnya masih tiga yang kita nampak. Saya harap Kerajaan sila lekas isikan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan orang ini hendaklah jika dia bekas pegawai Kerajaan, sekurang-kurangnya Pegawai Superscale 'A'. Jangan Superscale 'D' dijadikan Pengerusi ini sebab bagaimana dia boleh menimbang sedangkan dia sendiripun dalam jawatan yang rendah dan sepanjang yang saya faham jawatan Pengerusi Perkhidmatan Awam

masih belum dipenuhi. Saya harap Kerajaan penuhi kerana tugasnya makin berat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook, suka saya menyatakan bahawa perkara itu memanglah sedang dilakukan sekarang ini seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu. Bagaimanapun seperti saya katakan tadi banyaknya juga terpulang kepada syarat-syarat yang dikehendaki oleh satu-satu jawatan sebelum pertimbangan dibuat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak, semasa menentukan gaji baru bagi Pengerusi ini segala faktor-faktor telahpun diambil kira termasuklah seperti saya katakan tadi beban-beban kerja yang banyak, bagaimanapun saya juga akan mengambil ingatan di atas pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat itu. Mengenai Jawatan Pengerusi, sekarang telahpun diisi jawatan itu.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat dtempohkan selama 30 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN-JAYA PILIHARAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu

Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Seksyen 2 yang mengandungi gaji atau elaun tetap Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya Gaji Pengerusi sekarang ialah \$4,000 sebulan dan elaun tetapi bagi ahli ialah \$2,250 sebulan. Mengenai elaun derebar pula adalah dikeluarkan daripada Jadual Pertama dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum asas-asas dan sebab-sebab Kerajaan memberikan gaji baru kepada Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan telah diberikan sebentar tadi ketika saya mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1980, asas-asas dan hujah-hujah bagi kenaikan saraan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya adalah sama dan saya rasa tidak perlu saya ulas dengan panjang lebar lagi. Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya juga terikat dengan peraturan supaya menumpukan sepenuh masa kepada tugas-tugas di Suruhanjaya tanpa boleh melibatkan diri dengan pekerjaan-pekerjaan yang lain. Oleh itu adalah sangat wajar Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya juga mendapat kenaikan saraan atau gaji sesuai dengan taraf mereka. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.05 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Ini adalah peluang yang pertama

untuk saya bercakap di dalam undang-undang ini.

Saya yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah membuat undang-undang ini, walaupun undang-undang ini naskah sahnya di dalam bahasa Inggeris tetapi pindaannya dibuat di dalam Bahasa Malaysia. Manakala terjemahannya seperti biasa iaitu dibuat di dalam bahasa Inggeris dan saya berharap pada masa-masa yang akan datang walaupun undang-undang itu naskah sahnya dalam bahasa Inggeris maka denai yang telah dibuat oleh undang-undang ini patut disanjung dan dicontohi sampai bila-bila masa iaitu dibuat dalam Bahasa Malaysia walaupun pindaan itu bahasa Inggeris dijadikan naskah sahnya Bahasa Malaysia juga supaya orang-orang yang tidak mengerti bahasa Inggeris macam saya ini dapat mengikutinya dan naskah bahasa Inggeris itu memang sudah ada kerana tiap-tiap pindaan itu ada terjemahannya di dalam bahasa Inggeris, bolehlah dibaca dengan bahasa Inggeris terus. Sebab itulah saya mengucapkan syabas dan terima kasih.

Saya juga walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana undang-undang ini telah dibuat asing daripada undang-undang yang diputuskan sebentar tadi, jadi sebagaimana hujah yang saya kata semalam sepatutnya pindaan undang-undang ini dimasukkan sahaja ke dalam pindaan undang-undang yang kita luluskan tadi iaitu suatu Akta untuk meminda Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi telah dibuat berasingan, barangkali dengan sebab pihak Kementerian telah menyatakan mustahak dan sangat penting undang-undang ini kerana ia adalah berdasarkan pilihanraya. Itu baguslah.

Saya juga bersependapat dengan apa yang dikatakan tadi iaitu berkenaan dengan pilihanraya di negara kita ini berhajat kepada usaha yang bersungguh-sungguh dan berhajat kepada pekerjaan yang teliti dan dedikasi serta jujur dan ikhlas.

Tiap-tiap 5 tahun sekali negara kita mengadakan pilihanraya dan di atas bahu Suruhanjaya inilah terletaknya tanggungjawab sama ada pilihanraya-pilihanraya yang akan diadakan itu akan

berjaya dengan sepenuh-penuhnya ataupun sebaliknya kerana sebagaimana yang kita tahu kalau sekiranya pihak Suruhanjaya ataupun orang-orang yang bertanggungjawab di dalam pekerjaan itu tidak bersungguh-sungguh ataupun menjalankannya dengan sambil lewa sahaja sudah tentulah hasilnya tidak begitu memuaskan. Maka pilihanraya di negara kita ini telah berlaku tiap-tiap 5 tahun sekali dan berjalan dengan licin dan lancar. Itu menunjukkan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah mengendalikan pilihanraya di negara ini adalah cekap dan dedikasi.

Berkenaan dengan gaji Pengerusinya serta elaun Ahli-ahli Suruhanjaya itu sebagaimana yang tertera di dalam undang-undang ini dan di dalam undang yang kita luluskan sekejap tadi tidak ada beza dengan suruhanjaya-suruhanjaya yang lain tetapi Kementerian telah menyatakan di antara suruhanjaya-suruhanjaya ini cuma Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sahaja yang dinaikkan gaji Pengerusi dan Ahli Jawatankuasanya kerana dikatakan suruhanjaya itu adalah kerjanya banyak, merangkumi sampai ke Pulau Pinang dan sampai kepada Perlis. Tetapi kalau kita hendak kira atau banding dengan Suruhanjaya Pilihanraya ini saya fikir kerja Suruhanjaya Pilihanraya ini pun lebih luas lagi dengan sebab Suruhanjaya Pilihanraya ini meliputi seluruh negara, di tiap-tiap negeri. Tentang mereka pergi, tidak pergi; itu terpulang kepada merekalah, Tuan Yang di-Pertua, terpulang kepada Pengerusi Suruhanjaya dan ahli-ahlinya itu, tetapi yang kita tahu sekarang ini boleh dikatakan ada sahaja pindaan kawasan-kawasan pilihanraya itu. Maka pindaan-pindaan kawasan pilihanraya ini tentulah berdasarkan kepada banci dan fikiran hendak menentukan tiap-tiap kawasan itu supaya stabil.

Misalnya, kawasan yang terlalu besar diperkecilkan sedikit dan kawasan yang kecil itu diperbesarkan lagi. Begitulah juga kawasan yang banyak pengundi itu terpaksa dipecah-pecahkan pula, maka perkara seperti ini berkehendakkan kepada pemikiran yang betul-betul bertenang dan mengambil masa yang penuh. Sebab itu saya katakan kalau sekiranya dinaikkan gaji Pengerusi Pilihanraya itu sama dengan gaji Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah

bagus dan baik, tetapi terpulanglah kepada pihak Kementerian berkenaan, saya tidaklah dapat menentukan perkara ini. Saya hanya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian berkenaan patut mengambil ingatan.

Suruhanjaya-suruhanjaya itu sama ada suruhanjaya Keretapi, Suruhanjaya Polis Diraja, Suruhanjaya Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan sebagainya kebanyakannya adalah menjalankan tugas mereka itu di jabatan masing-masing, jarang bertugas di luar pejabat melainkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sahaja sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, tetapi berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya ini, Tuan Yang di-Pertua, ada mengenai Pengundi dan Wakil-wakil Rakyat yang melihat pengundi-pengundi di kawasan itu. Kalau sekiranya pengundi-pengundi itu sebagaimana saya katakan tadi, bilangannya banyak, kawasan itu dipecah menjadi dua atau tiga kawasan, dan kalau kawasan itu kecil diperbesarkan. Maka apa yang saya hendak perkatakan sekarang ini ialah berkenaan dengan Wakil Rakyat yang dipilih oleh pengundi-pengundi di kawasan itu.

Saya nampak di dalam hal ini Wakil-wakil Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang terpencil amatlah teruk sekali jika dibandingkan dengan Wakil-wakil Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang seumpama di bandar-bandar dan sebagainya, macam di negara kita ini ada kawasan-kawasan yang terpencil seumpama di ulu-ulu sungai ataupun kawasan-kawasan di pedalaman. Di Trengganu dan di Pahang dalam kawasan-kawasan itu rakyatnya atau pengundi-pengundinya adalah bertaburan, boleh jadi sampai beratus-ratus batu satu kawasan diadakan seorang Wakil Rakyat. Jadi, Wakil Rakyat seumpama itu oleh kerana hendak menjalankan tugasnya terpaksa berjalan jauh melihat muslihat dan faedah pengundi-pengundinya. Ada kalanya berjalan dengan perahu, motobot, berbasikal dan sebagainya kerana hendak pergi melawat kawasan pilihanrayanya.

Wakil Rakyat di bandar-bandar mereka itu sentiasa menggunakan motokar, malahan ada

Wakil Rakyat yang luas kawasannya tak sampai sebatu, dia boleh duduk di rumah. Berkenaan elaun yang diberikan sama sahaja iaitu Wakil Rakyat Negeri dapat \$2,000 sebulan, kalau mereka wakil Federal dapat \$3,000 sebulan. Maka kalau kita tengok di sini logikkah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya fikir tak kena logik, diberi gaji kepada Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam lebih daripada Pengerusi Suruhanjaya yang lain kerana dikatakan kerjanya banyak, dia bekerja teruk, ahli Jawatankuasanya pun kerja teruk, sebab itulah gajinya dinaikkan menjadi \$4,600 (lebih \$450 daripada gaji Pengerusi Suruhanjaya yang lain). Manakala ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pula diberi elaun \$3,310 sebulan, sedangkan ahli Suruhanjaya yang lain cuma mendapat \$3,040 sebulan, termasuklah Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau kita tengok pula kepada wakil-wakil Rakyat yang mewakili penduduk-penduduk di daerah pendalaman, atau yang duduk di ulu-ulu sungai, yang terpaksa menggunakan rakit, yang terpaksa menggunakan perahu, yang terpaksa berjalan kaki berpuluh-puluh batu, yang terpaksa bermalam di bawah pokok-pokok kayu, kadang-kadang dikejar oleh harimau dan sebagainya mereka hanya mendapat \$2,000 sebulan. Kadang-kadang wang \$2,000 itu tak sampai ke manapun, kerana mereka terpaksa berjumpa dengan pengundi-pengundi yang sakit atau ada kenduri-kendara mereka beri derma. Derma demi derma wang yang \$2,000 itu habis. Manakala Wakil Rakyat yang duduk di bandar itu bukan main lumayan, kalau dia naik motokar, orang tahanpun dia buat tak nampak, kalau nampak buat tidak nampakpun tidak apa, orangramai pun tak marah dengan sebab kesibukan bandar.

Kalau ditanya mengapa tidak berhenti saya tahan, dia jawab tidak nampak, orang tidak marah sebab dalam bandar. Kalau di darat, di pendalaman, di ulu sungai, kalau jauh sebatu orang kampung melaung lagi, dia panggil Wakil Rakyat itu, terpaksa Wakil Rakyat itu mudik ke hulu atau turun ke hilir menemuinya. Jadi saya fikir ada baiknya, Tuan Yang di-Pertua, jika pihak Kementerian buat syor juga berdasarkan kepada logik ini, oleh kerana Wakil-wakil Rakyat yang di pendalaman dan yang di ulu sungai itu

kerjanya banyak, maka terpaksa elau itu ditambahkan semacam elaun Walik Rakyat Federal, iaitu Wakil Rakyat Negeri itu dinaikkan elaunnya semacam elaun Ahli Parlimen.

Bagi saya sendiri tak mengapalah, begitu juga bagi Ahli-ahli Dewan Negara, walaupun negeri Trengganu diwakili oleh dua orang Senator dan tiap-tiap seorang mewakili separuh negeri Trengganu, tetapi saya tidaklah berjalan membuat lawatan kerana saya bukan Wakil Rakyat, saya hanya wakil Negeri, saya duduk di rumah, tak ada siapa kacau saya, tetapi apa yang saya cakap ini ialah berkenaan Wakil Rakyat. Jadi ini pandangan saya. Dalam undang-undang begini janganlah kita hanya memandangkan kepada satu pihak sahaja, memandangkan kepada Suruhanjaya yang membuat penelitian, Suruhanjaya yang membuat syor dan cadangan, maka oleh kerana cadangan itu terbit daripada Suruhanjaya itu, maka patutlah gaji dan elaun ahli-ahlinya dinaikkan manakala Wakil Rakyat yang menjalankan tugasnya kita biarkan sahaja, kalau dia hendak kerja, kerjalah, kalau tak mahu sudahlah, orang lain banyak lagi.

Itulah sahaja pandangan saya, semalam saya sudah bercakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada orang lain yang hendak bercakap lagi. Itulah sahaja pandangan saya pada hari ini. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kementerian oleh sebab naskhah Rang Undang-undang ini dibuat dalam Bahasa Malaysia, maka saya berharap begitu jua pada masa yang akan datang. Saya juga berharap supaya ahli-ahli Suruhanjaya itu oleh kerana mereka dapat penghargaan daripada Kementerian dan daripada Dewan ini akan bekerja dengan bertambah cekap lagi supaya negara kita bertambah maju dan bertambah disanjung tinggi oleh negara-negara yang lain.

5.09 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pada petang ini dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957.

Mengikuti peruntukan Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini hanyalah mengandungi 4 orang sahaja iaitu Pengerusi dan 3 orang ahli. Akan tetapi, keadaan kita sudah berubah; sejak tahun 1957 sehingga sekarang sudah 23 tahun dan kawasan yang masuk dalam Malaysia pun sudah bertambah dengan penyertaan Sabah dan Sarawak. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan ini perlulah dipertimbangkan supaya ditambah sekurang-kurangnya dua bagi Sarawak dan juga Sabah, jadi mengandungi lima ahli, satu Pengerusi. Pandangan saya itu tadi juga tertakluk kepada kehendak Perlembagaan.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan menimbang dan kalau sekiranya difikirkan menasabah dengan pandangan itu pindaan Perlembagaan perlulah dibawa ke dalam Dewan ini kerana tidak ada kuasa yang boleh menambah ahli kecuali Perlembagaan kita dipinda. Lagipun memberhentikan seorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini sama hakikatnya dengan kedudukan seseorang hakim, dia mestilah sampai pada umur 65 tahun kecuali kalau dia sendiri mohon bersara. Jadi dengan adanya imbuhan ini saya fikir patut, saya tidak membangkang kalau ditambah hanya saya mohon ditimbangan penambahan anggota Suruhanjaya Pilihanraya ini perlu, akan tetapi permohonan saya tadi sebagaimana saya kata tertakluk kepada kehendak Perlembagaan yang perlu dipinda lebih dahulu, kerana undang-undang ini ialah diwujudkan pada tahun 1957 setelah 23 tahun kita melalui perubahan masih kita belum buat. Diharap Kerajaan menimbang sekurang-kurangnya tambahan itu meliputi Sabah dan Sarawak dan juga kalau boleh ahli Suruhanjaya itu merupakan daripada fungsi-fungsi kaum. Seseorang yang dipilih itu akan dilantik kelak mengikuti Perlembagaan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seorang yang dipercayai, berkhidmat dengan cemerlang, rekod yang baik dan mempunyai pelajaran, terpujalah kepada Kerajaan saya cuma merayu supaya perkara ini ditimbang dan kalau sekiranya perlu pindaan dibawa ke Dewan ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mengikuti peruntukan Perlembagaan juga sebagaimana

kita maklum tiap-tiap 8 tahun ataupun 10 tahun kajian mesti dibuat bagi menimbang penambahan kawasan pilihanraya baik di Negeri mahupun di Persekutuan.

Suruhanjaya telah menimbang pada tahun 1970 hasilnya kita dapati dalam tahun 1974 penambahan Wakil Rakyat di dalam Parlimen dan juga dalam Dewan Negeri. Sekarang ini tahun 1981 mengikuti tarikh seperti yang saya sebutkan tadi Suruhanjaya berhak menimbang penambahan kawasan ini walaupun belum sampai 10 tahun, 8 tahunpun boleh. Jadi saya merayu Suruhanjaya ini menimbang kawasan pilihanraya bagi pilihanraya akan datang ini hendaklah ditambah, baik kawasan pilihanraya Negeri mahupun pilihanraya Parlimen, sebab-sebabnya, Tuan Yang di-Pertua kita tahu dengan pembukaan cara besar-besaran tanah dalam negara kita, penghijrahan kerana mencari tempat yang lebih baik menyebabkan satu-satu kawasan itu sudah melebihi bilangannya.

Saya beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Maran. Kawasan Parlimen Maran pada masa sekarang ini ke utaranya hampir-hampir dengan bandar Kuantan dan masuk dalam kawasan Perbandaran Kuantan, kalau orang Pantai Timur bolehlah saya gambarkan, apabila melalui jalan balik ke Kota Bharu ataupun Trengganu iaitu dekat Padang atau Simpang Telekom dan ini betul-betul dalam perbandaran dan di sebelah selatannya lebih kurang 8 atau 10 batu sahaja dari Jambatan Temerloh, kawasan Maran inilah termasuk kawasan pembangunan tanah yang besar yang dikatakan Jengka Tiga Segi.

Pada masa 10 tahun dahulu penduduknya cuma 19,000 orang sahaja, sekarang ini sudah hampir-hampir 80,000 orang hasil daripada usaha Kerajaan membuka tanah dan mengambil peserta. Jadi sekarang kawasan ini sebagaimana saya katakan tadi mempunyai penduduk dan bilangan pengundi yang banyak. Ini adalah satu contoh dan contoh-contoh lain boleh kita katakan. Saya tidak tahu bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya menentukan kawasan. Adakah menentukan kawasan ini kerana banyak bilangan pengundi atau adakah menentukan kawasan ini kerana

mengikot luas kawasan? Ini terpulanglah kepada budibicara Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi apa yang saya mohon dipertimbangkan khidmat seseorang Wakil Rakyat kepada pengundi itu hendaklah mendapat perkhidmatan yang baik dan structure kawasan pilihanraya baik Negeri atau Parlimen itu hendaklah mengukur perkhidmatan seseorang Wakil Rakyat, janganlah hendaknya diukur kawasan itu kepada kelebaran kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang Wakil Rakyat umpamanya kawasan Tembeling, kawasan Negeri, mula daripada Taman Negara yang masyhur tempat pelancungan sehingga ke sempadan negeri Kelantan dan Trengganu, tentulah perkara yang sangat ajaib bagaimana khidmat seorang Wakil Rakyat boleh diberi secara langsung kepada pengundi-pengundi kerana keluasan kawasan yang diwakilinya. Jadi dengan apa yang saya contohkan satu dua itu, saya percaya Suruhanjaya Pilihanraya lebih mengetahui strategi kedudukan tempat dan saya mohon perkara ini dipertimbangkan kerana masanya telah sampai ataupun kalau sudah dalam pertimbangan tolonglah masukkan permohonan saya ini dalam pertimbangan Kerajaan bagi menambah kawasan pilihanraya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dipertimbangkan oleh Suruhanjaya ini ialah kawasan pilihanraya itu tidak mesti dimonopoli oleh satu-satu kaum. Apa boleh buat umpamanya di Kuala Lumpur, di Petaling orang Tionghua ramai, tetapi saya gambarkan kawasan-kawasan lain hendaklah kita masukkan dalam kawasan itu juga berupa fungsi kaum-kaum, dengan jalan yang demikian lebih mudah perkhidmatan muhibbah kita buat untuk menyatukan kaum-kaum, lebih mudah antara kaum dengan kaum bercampur bagi menuju matlamat tujuan Kerajaan kita menyatu dan mengharmonikan antara kaum-kaum. Suruhanjaya Pilihanraya boleh memainkan peranan dalam menentukan kawasan pilihanraya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya patut menimbang deposit masuk dalam pilihanraya. Yang sudah-sudah ini, Tuan Yang di-Pertua, Negeri \$500 sahaja

dan Federal \$1,000. Ini bukan perjudian, tetapi apa salahnya kita naikkan deposit, Negeri \$2,000 dan Federal \$3,000 sebab ada setengah-setengah kawasan kadangkala dengan keadaan kewangan yang begini rendah nilainya dia bukan betul-betul hendak bertanding dalam pilihanraya tetapi dia cuma hendak lawan sahaja. Ada berlaku dalam pilihanraya melalui pengalaman kita, letak deposit \$500 dengan ada 2 penyokong dan 4 orang yagn lain—jumlah 6 orang, kita boleh masuk bertanding. Kalau betul-betul parti itu berlawan dalam pilihanraya kerana memperjuangkan konsep partinya bagi kebaikan negara dan tanahair, ini tidak timbul tetapi soalnya sekarang supaya dia jangan duduk senang-senang. Konsep ini walaupun Yang Berhormat Menteri boleh menjawab kalau letak \$10,000 pun kalau orang itu hendak bertanding, dia bertanding juga tetapi nisbah \$500 perlulah dipertimbangkan supaya dinaikkan.

Kita harap dalam sebarang pilihanraya akan datang wakil-wakil yang bertanding bukanlah kerana berkehendakkan kerusi tetapi ialah menjadi ideologi politiknya bagi kepentingan negara kita ini supaya dapat diterima oleh pengundi-pengundi dasar mana yang baik. Dengan jalan ini ketahanan kita berpilihanraya, serta cara berpolitik makin matang dan satu cara yang saya fikir mudah ialah menaikkan sedikit bayaran deposit ini kepada angka atau kadar yang menasabah. Saya tidak mencadangkan lebih tinggi daripada apa yang saya sebutkan tadi tetapi kalau sekiranya difikirkan angka itu menasabah saya berterima kasih kepada Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga bercakap sedikit lagi dalam perkara keanggotaan ini yang saya tertinggal bagi menyebutkan. Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain ada Timbalan Pengerusi tetapi Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada dan tidak ada disebutkan dalam Perlembagaan bagi mewujudkan seorang Timbalan. Kawasan pilihanraya kita meliputi dari Arau hingga ke Kudat, lebih daripada 3,000 batu jauhnya dan saya fikir adalah menasabah bagi mewujudkan Timbalan ini, akan tetapi perkara ini tidak dapat saya buat dengan permohonan, hanya saya buat dengan rayuan

kerana perkara ini tertakluk kepada kehendak Perlembagaan.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri patut memikirkan bagi kepentingan negara pindaan Perlembagaan ini patutlah dibawa ke Dewan ini, kalau boleh sebelum pilihanraya yang akan datang. Saya tidak dapat menelah bila pilihanraya akan tiba tetapi saya boleh mengagak tahun 1982, kalau tahun 1983 memang sudah cukup nisabnya. Jadi kalau tahun 1982 bermakna daripada kajian yang dahulu sudah mengambil masa 12 tahun sedangkan mengikut Perlembagaan kalau perkara itu perlu, dalam tempoh 8 tahun Suruhanjaya boleh mengkaji. Saya fikir masanya pun sudah tiba, jadi saya merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang pertama kawasan pilihanraya kita terutama kawasan Parlimen hendaklah ditambah dan yang kedua wang pertaruhan juga patut ditambah. Kepada Kerajaan saya merayu membawa pindaan Perlembagaan bagi menambah anggota Suruhanjaya dan juga mewujudkan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya.

Inilah sokongan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa rendah hati menyokong Bil ini bagi diluluskan.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir.

5.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya persembahkan terlebih dahulu atas keizinan yang diberi peluang kepada saya terdahulu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook.

Saya juga turut menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 ini dan berharap semoga dengan keputusan yang diambil nanti akan terlaksanalah hasrat dan maksud Kerajaan serta pengundi-pengundi baik di kawasan Federal mahupun State yang ada pada masa ini.

Mula-mulanya saya bercadang hendak bercakap di atas tiga perkara apa yang saya lihat di waktu ini iaitu cara berkempen, cara peruntukan calon-calon yang ada sekarang

dan juga pendaftaran yang dibuat oleh Suruhanjaya ini. Walaupun begitu terlebih dahulu rasa saya elok saya sampaikan ucapan tahniah kepada Suruhanjaya yang ada atas khidmat dan baik susunan mereka ternampak di masa lampau terutamanya dalam masa negara ini mengadakan pilihanraya umum pada bulan Julai 1978 yang lalu. Patut diberi ucapan syabas dan tahniah atas kecekapan dan tertib susunan yang telah diusahakan dan dijalankan oleh Suruhanjaya ini dalam mengendalikan tugasnya dan sudah tidak syak lagi adalah wajar bagi kita menyokong Akta ini walaupun sepertimana yang telah disebutkan terdahulu daripada ini oleh sahabat-sahabat saya bahawa Akta ini sepatutnya disatukan persembahannya bersama-sama dengan draf Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (DR. 45/80) yang baru sahaja kita luluskan.

Apakah yang saya maksudkan atas kecekapan Suruhanjaya ini ialah bila kita perhati balik daripada peristiwa penolakan kertas-kertas pencalonan pilihanraya tahun 1978 yang lalu oleh pegawai-pegawai dan Suruhanjaya itu sendiri adalah didapati di antara 438 kertas penamaan calon bagi Dewan Rakyat dan 805 bagi Dewan-dewan Undangan Negeri, 51 untuk Dewan Rakyat itu dan 72 untuk Dewan Undangan Negeri telah ditolak. Daripada jumlah itu pula sebanyak 23 rayuan telah dikemukakan oleh mereka yang mengemukakan kertas undi mereka kepada pihak yang berkenaan, mahkamah pengadilan yang dihakimkan oleh Hakim Pilihanraya sendiri dan akhirnya adalah diketahui bahawa kecuali satu kes sahaja daripada 23 yang saya sebutkan tadi, kecuali satu kes sahaja mengikut makluman yang saya ketahui yang berjaya manakala 22 lagi telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi ataupun ditarik balik oleh perayu.

Masalah inilah yang membanggakan kita menunjukkan betapa cekapnya perjalanan Suruhanjaya Pilihanraya yang mengendalikan kisah-kisah penerimaan calon, penolakan dan sebagainya. Ini seharusnya kita memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya.

Berbalik saya kepada masalah yang saya sebutkan tadi iaitu cara-cara berkempen. Dalam Akta yang lalu telah diharamkan oleh

Suruhanjaya ini, bila ada sesuatu pilihanraya maka diharamkan kita mengadakan rapat-rapat umum. Sebagai gantinya diluluskan pula dengan mengadakan ceramah memancing undi dari rumah ke rumah begitulah tafsirannya kalau tidak salah perhatian saya. Tetapi bagi saya masih kurang faham tentang perkataan yang disebut dalam peraturan itu mengatakan boleh dibenarkan berceramah dari rumah ke rumah. Sepanjang yang saya ketahui bila diadakan pilihanraya tidak ada lagi rapat-rapat umum. Tetapi bila datang kepada masalah ceramah dari rumah ke rumah terdapat di sana seolah-olah kalau tidak dikatakan rapat umum pun seolah-olah bentuknya lebih kurang macam rapat umum juga, kerana bukan sahaja dikumpulkan rakyat pemilih di dalam rumah itu dari kampung itu bahkan rumah itupun penuh sesak, bukan sahaja setakat dalam rumah, di sekeliling rumah, kawasan rumah penuh manusia datang mendengar kononnya yang dikatakan ceramah kempen rumah ke rumah. Melempah manusianya keluar daripada rumah hingga ke batas dan ke kawasan. Kadang kala kita dapati rumah yang berhampiran dengan jalanraya telah menjadi masalah kesibukan lalu lintas pula. Bukan setakat itu sahaja, terdapat dipasangnya pembesar suara. Kita dapat dengar manusia bercakap tetapi tidak dapat lihat siapa manusia yang bercakap di dalam itu. Bagi saya masalah itu tidaklah hendak dikatakan apa-apa, tetapi mungkin harus membangkitkan satu masalah kepada pihak yang berkuasa andainya dalam ceramah-ceramah itu kalau tidak dikatakan syarahan, andainya dalam ceramah yang sedemikian rupa dengan menggunakan pembesar-pembesar suara disentuhnya perkara-perkara yang sensitif, disentuhnya perkara-perkara yang menyucuk perasaan peribadi dan parti-parti lawan ataupun sebagainya harus menjadi satu kerumitan kepada pihak berkuasa polis umpamanya kerana bila perkara ini dikemukakan ke tengah mungkin hakim bertanya siapa yang bercakap. Adakah awak lihat orang itu yang bercakap, adakah awak ambil gambar orang itu yang bercakap. Polis harus mengatakan saya tidak nampak, sebab orang ramai hanya yang saya dengar suara dia bercakap menerusi pembesar suara yang dipasang di atas pokok, dinding rumah dan sebagainya. Inilah yang menjadi masalah dan

tandatanya kepada saya setakat mana pengertian ceramah dari rumah ke rumah. Kerana itu akan harus menjadi soalan-soalan yang akan dikemukakan kemuka pengadilan yang harus menjadi kerumitan besar bagi pihak polis hendak menentukan bila bangkit sesuatu masalah yang menyentuh terutamanya sekali masalah sensitif, soal sensitif, ugama, itu dan ini dan sebagainya.

Kedua peruntukan calon-calon. Saya menyentuh tentang pengundi-pengundi dan calon-calon kerana mengikut kenyataan yang dicatat di dalam daftar pemilih tahun 1978 seramai 5,059,680 orang ataupun manusia yang berhak membuang undi di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Ini adalah kenyataan yang berada di dalam perangkaan mengundi tahun 1978, mungkin selepas diadakan pendaftaran baru ini harus bertambah.

Namun begitu bila kita kaji balik membuat perhitungan bahawa penduduk-penduduk Malaysia yang ada sekarang sudah meningkat kepada 10.3 juta bermakna ini hanya separuh daripada angka penduduk yang tinggal dalam Malaysia ini hanya separuh atau 50% lebih sedikit sahaja yang berhak mengundi untuk memilih wakil-wakil mereka dalam lima tahun sekali.

Setelah ditolak beberapa kawasan; saya bercakap tentang pilihanraya tahun 1978 setelah ditolak beberapa kawasan yang menang tanpa tanding didapati lebih satu juta manusia yang tidak keluar mengundi untuk memilih wakil mereka. Jadi ini harus menjadi tanda tanya kepada kita mengapa begitu ramai sekali telah ditolak kawasan yang mendapat kemenangan tanpa bertanding ternyata hampir bahkan lebih satu juta manusia dalam rekod kenyataan menyatakan orang-orang ini tidak keluar mengundi ataupun dengan lain perkataan hanya 75% sahaja manusia keluar mengundi dalam tahun 1978 untuk memilih wakil-wakil yang harus datang ke Dewan Rakyat.

Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, menjadi tanda tanya kepada kita benarkah manusia tidak mahu keluar mengundi ataupun perhitungan ini dibuat berbanding dengan nama yang dicatat dalam pendaftaran dengan mereka yang keluar mengundi pada hari itu.

Apa yang didapati kenyataan oleh pekerja-pekerja di kawasan-kawasan mereka menyatakan bahawa hampir habis manusia yang ada dalam ini telah kami kerah keluar mengundi. Boleh dikatakan tidak ada lagi manusia, hatta yang sakit pun disungus kerana berkehendak kepada kemenangan. Tetapi bila akhir kenyataan dikeluarkan oleh Suruhanjaya menyatakan 75% sahaja yang keluar mengundi, entah ke mana perginya 25% itu. Bila kita kaji masalah ini dengan kenyataan-kenyataan yang diperolehi dari pekerja-pekerja kawasan, saya harus membuat pandangan, angka ini mungkin boleh dikurangkan, andainya nama-nama pemilih yang dicatat di dalam daftar undi itu ditapis dan dikaji semula. Walaupun pernah kita dengar mengatakan bahawa pihak Suruhanjaya akan mengkaji dan akan membuat analisa tentang pindah dan tukar nama dan sebagainya. Tetapi apa yang suka saya sarankan di sini ialah kajian itu hendaklah digunakan serba tenaga terutamanya usaha bantuan dan kerjasama daripada Penghulu, usaha dan bantuan kerjasama daripada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), usaha bantuan dan kerjasama daripada Pejabat Beranak dan Mati, usaha dan kerjasama daripada Pejabat Pendaftaran Negara. Kalau digunakan tenaga ini sepenuhnya, saya yakin dan percaya bahawa angka yang begitu besar dapat diperkecilkan ataupun 25% yang saya maksudkan tadi harus boleh jadi tidak ada langsung melainkan orang yang uzur sangat tidak dapat dibawa mengundi.

Berbalik saya kepada masalah calon. Saya menyokong apa yang telah disarankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Razak dan mungkin yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim mengenai dengan angka calon wakil-wakil dalam sesebuah negeri yang dibuat di atas asas dan dasar apakah masih kita belum ketahui.

Ikut kenyataan yang ada, dari jumlah 154 Wakil Rakyat yang ada di seluruh negara kita menghadiri ataupun menjadi wakil di Dewan Rakyat dan 408 Ahli yang menghadiri dalam Dewan Negeri seluruh negara terdapat komposisinya seperti ratio di bawah, iaitu ada

negeri yang rasionya Wakil Rakyatnya, Dewan Rakyat sekian banyak, Dewan Negeri sekian banyak. Ada negeri yang rasionya 1:6 bermakna satu Wakil Rakyat Federal, enam kawasan State. Ada pula negeri yang 1:5, satu Federal, 5 State. Ada yang ratio 1:4, ada yang 1 Federal, 3 State; ada yang 1 Federal, dua State. Yang ini masih kita belum faham bagaimanakah komposisi ini dibuat atau ratio-ratio yang dibuat. Jadi apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Razak barangkali harus itulah yang dimaksudkan supaya kedudukan ini diselaras atau diperbetulkan. Kita tidak berkehendak kepada semua negeri menjadi 1:6 dan kita tidak berkehendak kepada semua negeri menjadi 1:4 atau 1:2 mungkin boleh jadi daripada 1:2 patut diubah kepada 2:4, 1:2 juga ataupun 1:5, dua Federal, 5 State pun jaulah, memandangkan kepada jumlah begitu banyak penduduk dan pengundi yang ada dewasa ini.

Terlanjur dengan ini, saya meminta perhatian khas kepada Suruhanjaya supaya kawasan-kawasan yang berjauhan, kesukaran harus diberi pertimbangan khas atau istimewa terutamanya dalam negeri Kedah umpamanya kawasan Langkawi yang perbezaannya menyeberang laut lebih 18 batu. Adalah menjadi satu hal yang baik seandainya diberi pertimbangan keseluruhan pulau itu mendapat seorang wakil untuk menjadi Ahli Parlimen di sini.

Baharu-baharu ini, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan telah ada usaha Jawatankuasa ataupun Suruhanjaya mengadakan pendaftaran untuk mengetahui pengundi-pengundi baharu. Dan usaha ini telah dibuat apa yang saya tahu 5 cara dijalankan. Pertama, diadakan pusat yang tetap iaitu markas yang tidak bergerak. Kedua, dijalankan usaha rumah ke rumah. Ketiga, diadakan van unit bergerak untuk pendaftaran pengundi-pengundi baharu. Keempat, diadakan juga pendaftaran di pejabat-pejabat kilang dan kelima, pejabat-pejabat pilihanraya.

Saya tidak tahu bagaimana usaha yang dibuat terhadap pusat tetap ini tetapi adalah didengar rungutan-rungutan perasaan tidak puas hati kerana pusat-pusat ini melaksanakan tugas kadar satu dua jam

sahaja di sebelah petang daripada pukul 4.00 hingga pukul 6.00. Selepas itu ditutupkan pejabat itu. Dan pekerja-pekerjanya pula mungkin boleh jadi bahkan sudah berlaku terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan setelah mereka keluar daripada pejabat maka pergilah ke pusat itu menanti siapa yang ingin hendak menjadi pemilih dalam undi pilihanraya datanglah ke situ dua jam dibuka setiap hari selain daripada hari cuti am.

Saya tidak mencadangkan di sini supaya pusat tetap itu direntikan, tidak, nanti orang marah. Tetapi adalah mustahak dan perlu sekali tenaga kepada cara rumah ke rumah itu dilipatgandakan tenaganya dengan menggunakan anak-anak tempatan yang sedia ada, yang mengetahui hal masyarakat kampungnya, yang mengetahui bilangan mana manusia yang meningkat umur 21 tahun, mana manusia yang tidak ada lagi dalam kampung itu patut dicabutkan namanya dan mana manusia yang telah mati patut dipotong namanya. Jadi usaha ini-tenaga-tenaga ini seharusnya dilipatgandakan, dengan itu saya rasa mungkin boleh dapat kita kurangkan bilangan peratus yang tidak keluar mengundi sebagaimana yang disebutkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam laporannya yang dikeluarkan beberapa bulan yang lalu.

Akhirnya suka juga saya menyuarakan bagi pihak Suruhanjaya ini kerana dalam laporan itu saya rasa patut selain daripada mereka bersuara elok juga Dewan ini menyuarakan, kerana dalam usaha mereka menyusun kerja-kerja untuk menyelaraskan pekerja-pekerja, pegawai-pegawai dalam laporan itu menyebut, dukacita setelah hampirnya pilihanraya maka pegawai yang telah kita latih itu dan diharap supaya memberi perkhidmatan hingga ke akhir pilihanraya telah dibawa keluar dan ditukar. Ada juga keadaan ini berlaku dan ini menyulitkan perkhidmatan yang telah disusun dan diatur oleh Suruhanjaya tadi. Jadi, saya juga tumpang turut merayu semoga kes-kes yang seumpama ini dapat disabarkan dahulu walaupun terdapat peri mustahaknya pegawai yang dilatih itu ditukar tetapi biarlah hingga sampai ke waktu yang tidak ada lagi perkhidmatan yang bersangkutan dengan kedudukan perkhidmatan pilihanraya.

Satu lagi yang saya akan ganti masalah deposit pilihanraya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi. Bagi saya memikirkan masalah membuat bantahan. Dalam laporan itu disebutkan masa bantahan bila ditutup dari jam 9.00 sampai 11.00 diberi peluang kadar 1½ jam lagi untuk membuat bantahan andainya terdapat sesuatu yang hendak dikemukakan ketika seseorang itu menyerahkan kertas pencalonannya. Saya tidak tahu mengapa yang jadi 1½ jam! Tidakkah boleh kita kurangkan lagi kerana terdapat beberapa tempat menunggu 1½ jam satu kisah agak lagi padahal terdahulu daripada ini Suruhanjaya memberikan kursus, kenyataan, penerangan dan sebagainya kepada bakal calon parti-parti siasah supaya mengisikan kertas pencalonan mereka itu dengan lengkap dan sempurna, bila sudah ada kes ini tentulah tidak pauah lagi kita panjangkan masa daripada 1½ jam itu, saya rasa eloklah kita cuba kurangkan sedikit daripada 1½ jam kepada satu jam, dengan itu akan lebih berjaga-jaga, tiap-tiap seorang yang ingin memasuki arena politik perjuangan dalam pertandingan pilihanraya, mengisi kertas pencalonan, dia akan lebih berhati-hati supaya tidak lagi berlaku kesilapan ataupun kekurangan itu dan ini.

Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan satu dua perkara yang telah saya catatkan di sini terdapat telah disentuh oleh sahabat saya, jadi akhirnya adalah menjadi harapan saya semoga kedudukan jawatankuasa ataupun Ahli Suruhanjaya ini dapat Kerajaan memberi satu pertimbangan kerana hal ini berkait dengan kedudukan politik harus diberi pertimbangan kepada orang-orang politik yang sudah masak dalam arena politik yang hampir mengetahui kedudukan negara dan negerinya diberi peluang untuk menduduki bersama-sama atau diambil bersama-sama bekerja di dalam kumpulan Suruhanjaya ini.

Akhirnya, saya dengan sukacitanya turut menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) yang dikemukakan itu.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Dr Choo Kooi Fook.

6.10 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh 3 perkara dalam menyokong Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, saya menyokong kenaikan gaji Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini. Di sini suka saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini yang telah menjalankan tanggungjawab dan tugasnya yang dianggap berat dengan licin dan baik. Sebagai seorang Pengerusi Suruhanjaya ini beliau sentiasa bergerak dengan secara bebas dalam menjalankan tugas-tugas dengan objektif adil dan saksama. Tanggungjawab ini memang berat khususnya ketika mengatur-ubahkan dan menentukan sempadan constituency pilihanraya yang akan datang. Memandangkan hal ini, saya ingin merayu kepada parti-parti komponen Barisan Nasional supaya jangan cuba mempengaruhi beliau dan mengganggu tugasnya. Saya berharap dan yakin Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak akan tunduk kepada pengaruh dan tekanan dari mana-mana pihak juga.

Yang kedua, dalam mengatur-ubahkan dan menentukan constituency pilihanraya, saya merayu kepada Pengerusi Suruhanjaya ini supaya menjalankan tugas berdasarkan 3 kriteria, iaitu memanglah saya sedar bahawa beban yang dipikul oleh Pengerusi Suruhanjaya ini memang berat dan beliau memang seorang pakar dan berpengalaman tetapi saya suka di sini mengemukakan 3 perkara, iaitu—

Pertama, bahawa kawasan-kawasan luar bandar adalah kawasan-kawasan yang memerlukan pembangunan yang lebih pesat. Suruhanjaya Pilihanraya harus memberi perhatian kepada kawasan-kawasan yang luas ini kerana ia akan merumitkan tugas wakil yang menjaganya.

Kedua, saya harap bilangan pengundi sebaiknya dihadkan kepada tidak melebihi

40,000 pengundi di tiap-tiap kawasan Parlimen. Saya harap pada pilihanraya akan datang nanti kita tidak melihat constituency yang mengandungi lebih daripada 100,000 pengundi. Dari segi ini, saya berpendapat jumlah kerusi Parlimen di Wilayah Persekutuan umpamanya harus ditambah, umpamanya bertambah dua kali ganda dari yang ada sekarang 5 kepada sekurang-kurangnya 10. Tambahan pula seboleh-bolehnya keseimbangan kaum dalam satu-satu constituency harus diberi keutamaan kerana constituency yang terbanyak sangat majority satu-satu kaum adalah kurang sesuai dan saya harap Suruhanjaya Pilihanraya ini dapat memperseimbangkan kedua-dua pihak ini.

Perkara yang ketiga, saya hendak menyentuh di sini ialah saya merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menimbang secara serius pendaftaran pengundi-pengundi sepanjang tahun. Perjalanan ini boleh ditetapkan di Pejabat-pejabat Daerah ataupun Pejabat-pejabat Pos. Saya percaya cara ini dapat menjimatkan perbelanjaan pendaftaran pengundi jika dibandingkan dengan sistem pendaftaran intensif dalam tempoh sekarang, iaitu sebulan setahun dan ditetapkan di pondok-pondok Rukun Tetangga dan sebagainya setiap petang dari pukul 4.00 hingga 6.00. Pada pendapat saya gerakan ini adalah kurang sesuai dan barangkali perbelanjaannya adalah akan lebih daripada yang saya cadangkan. Sekiranya diwujudkan sistem di mana setiap Pejabat Daerah ataupun Pejabat-pejabat Pos di mana kakitangan-kakitangan pejabat itu diberi tugas mendaftarkan orang-orang yang akan menjadi pengundi baru, kos pendaftaran pengundi dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah 3 perkara saya mengemukakan di sini dan dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

5.17 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 ini. Saya hendak menyentuh dua tiga perkara yang kecil-kecil sahaja sambil lalu.

Sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, bila kita menyentuh Akta Suruhanjaya Pilihanraya perkara yang amat penting sekali yang harus diambil berat ialah menentukan demokrasi dalam negara kita berjalan lancar serta bersungguh-sungguh sebagai yang kita sebutkan umur 21 tahun anak negeri kita terutama bumiputera, bumi tempat lahirnya bumiputera sendiri dapat mengambil bahagian aktif, cergas yang berumur 21 tahun mesti masuk dalam daftar pengundi ini. Ini yang penting sekali mesti diingat oleh Suruhanjaya ini supaya janganlah anak bumiputera ketinggalan di dalam negerinya sendiri yang tidak ada bergantung kepada mana-mana negeri yang lain daripada buminya sendiri.

Apa sebab saya bercakap begitu? 6 kali pilihanraya kita telah berlaku dalam negara kita ini, kita dapati hanya di seluruh kampung dalam tahananir kita bumiputera hanya 50-60% sahaja yang didaftarkan, kalau tak silap saya angka ini, minta maaf. Di sini satu gejala yang amat mengejutkan kita yang harus diperhatikan oleh Suruhanjaya ini dengan cukup yakin dan cukup usaha supaya mengatasi sekurang-kurangnya 80-90% pengundi-pengundi di seluruh kampung di tanahair kita hanya bumiputera supaya tidak ketinggalan anak bumi, supaya adil perjalanan Suruhanjaya kita dan pilihanraya kita di masa-masa akan datang.

Alangkah terkejutnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang macam ini agak saya 40% yang berumur 21 tahun sampai sekarang masih terbiar tidak didaftarkan mereka itu, alangkah malangnya!

Apabila sahabat saya baru menyentuh tadi beliau kata Suruhanjaya Pilihanraya ini patut mengikut cara yang adil, saya memikirkan Suruhanjaya yang telah berjalan dahulu sangat adil. Meskipun di setengah kawasan ratus ribu misalnya dibuat di satu kawasan itu, sebab dia di bandar, yang miskin sekali sekarang ini di kampung-kampung tempat bumiputera yang amat ketinggalan, sudah adil Kerajaan berbuat ini sekarang iaitu walau kecil sekalipun mestilah dibuat satu kawasan supaya dapat Kerajaan mengambil berat dengan sebenar-benarnya termasuk bukan sahaja bumi tetapi rakyat negeri ini yang ada di kampung-kampung itu kita kira sama.

Saya menyokong dengan sepenuhnya apa yang Suruhanjaya dan Kerajaan kita buat sekarang ini dalam menjalankan pilihanraya adalah adil dan mengikut sejarah keadilan hak bumi yang nyata. Saya harap Kerajaan tidak berganjak dan pilihan kawasan-kawasan yang sedia ada sekarang ini saya rasa adalah sebenar-benar adil demi melindungi hak bumi yang sebenar-benarnya dan melindungi juga hak bumiputera di kampung yang bersama di sana. Saya yang sebenarnya adalah menentang sebarang usaha yang menyamaberkatkan hak bumi dengan lain-lain dalam negeri ini sebab itu adalah termaktub dalam hak istimewa bumi yang dikanunkan dalam Perlembagaan negara kita ini. Saya adalah menentang siapa sahaja yang cuba hendak mengoyakkan apa yang sudah kita buat dalam Perlembagaan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berbalik, apakah Suruhanjaya ini mesti buat untuk mendaftarkan rakyat di kampung-kampung yang berumur 21 tahun? Saya tidak nafikan mereka telah berusaha sedaya upaya tetapi itu yang saya katakan ada 40% lagi dan di setengah-setengah kampung saya tahu ada lebih yang masih belum mendaftar. Kita hendak salahkan ahli-ahli politik? Kita hendak salahkan siapa-siapa? Tidak patut, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ahli-ahli Suruhanjaya ini yang saya bersetuju sekarang ini ditambah gajinya dan dalam Akta ini juga saya tengok ada menyebutkan dalam Huraian tentang Implikasi Kewangan:

“Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.”

Saya menyokong ini, tambah wang ini kalau perlu walau sekali ganda yang ada sekarang untuk daftarkan seluruh anak bumi di kampung-kampung khususnya rakyat di seluruh kampung ini menjadi pengundi yang berumur 21 tahun. Amatlah tidak adil negara kita kalau kita biarkan rakyat bumi tidak mengundi dalam pilihanraya dalam negeri yang dia tidak ada dua.

Apabila saya bercakap seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan emosi, tetapi sepenuhnya adil, kalaulah saya pergi ke negeri Barat, misalnya ke England, saya ada sama

memerhati pilihanraya di sana. Hak bumi dia, dia boleh buat apa yang dia suka. Siapa yang mengatakan dia adil. Kalau dia hendak mengecilkan misalnya warna kulit adil, sebab itu hak buminya sendiri. Begitu juga lain-lain negeri kita memandang di Europe atau di mana negeri juga dalam dunia yang demokrasi dan yang mengikut lunas-lunas pilihanraya demokrasi yang diadakan. Jadi saya hendak mengesyorkan kepada Suruhanjaya yang kita lantik, gaji kita setuju ditambah dan kalau perlu ahli-ahlinya juga ditambah serta kereta-keretanya juga ditambah, jangan macam sekarang ini ada negeri sebuah sahaja kereta berjalan untuk mendaftarkan sebuah negeri. Apa caranya ini saya pun tidak faham—tidak faham saya. Saya ingin ini tugas Kementerian—kalau saya silap barangkali boleh tegur; barangkali ada 10 kereta dalam sebuah negeri, saya bersedia kalau sekarangpun dia tegur saya tidak mengapa, tetapi saya tahu ada negeri yang mempunyai sebuah kereta sahaja. Bagaimana kita boleh mendaftarkan pengundi yang berumur 21 tahun yang semuanya hak asasi, hak utama yang mesti kita daftarkan mereka sebab ini pun menentukan kuasa memilih Kerajaan yang demokrasi dalam negeri kita sebagaimana kata pemimpin agong kita Dato' Hussein Onn seperti mana yang dikehendaknya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang supaya ditambah pegawai, ditambah kereta-kereta, ditambah elaun, perlu diberi elaun lagi, macam kata sahabat saya, saya bersetuju, pekerja-pekerja pilihanraya ditambahkan lagi gaji mereka supaya mendaftarkan dengan sebenar-benarnya supaya kita ambil masa dalam masa dua tahun ini—bukan tunggu lama, sebelum pilihanraya ini kita menentukan terutamanya bumiputera di kampung-kampung yang berumur 21 tahun didaftarkan, jangan sampai ketinggalan sampai 40%, ini amatlah mengeciwakan nasib dan saya rasa satu perkara yang tidak adil yang telah berlaku seperti ini kita mesti cepat perbetulkan sebab hak mereka yang amat berguna bagi negeri yang kita katakan demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sayapun sudah bercakap dengan agak kuat, jadi saya ada satu dua perkara tadi pun sudah hilang, tambahan

apabila saya dengar ada beberapa perkara yang mengejutkan saya, saya juga terkejut jadi selalu tertinggal point yang mustahak yang perlu saya katakan, tetapi walau bagaimanapun saya ulang balik; kereta-kereta pendaftaran ditambah dan pegawai-pegawai yang bekerja dilipatgandakan sebab tidak memuaskan keputusan itu. Selain daripada itu, kalau perlu wang juga kita tambah sekali ganda sebagaimana saya sebutkan dalam nombor dua tadi. Begitu juga dalam Huraian ini, saya selalu dalam undang-undang ini sebab terlampau pendek huraianya, terlampau singkat ayatnya, saya pun kadang-kadang mengajak kawan-kawan saya orang handal-handal kononnya, diapun tafsir, dia kata setakat itu sahajalah apa yang tertulis. Betul juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak dapat huraianya yang sebenar-benarnya sebagaimana saya katakan dahulu, walau bagaimanapun tujuan Menteri yang membuatnya pun saya rasa beliau inipun ikut cara di London juga ataupun orang sana.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara itu saya ulang balik, yang paling besar hak bumiputra yang berumur 21 tahun ada dibuat dalam masa 2 tahun sebelum pilihanraya, saya mahu supaya 80-90% hak bumi di seluruh kampung didaftarkan; kalau tidak adalah tanggungjawab Suruhanjaya yang kita lantik, mungkin dalam tahun depan kita membahaskan Bil ini harus kita minta Suruhanjaya itu menunjukkan apa yang Suruhanjaya telah buat.

Kedua, kewangannya kalau perlu saya kata, saya menyokong ditambah wang ini supaya pekerjaan lancar sebab dunia sekarang ini kalau tidak ada wang semua orang pun malas; kita inipun kalau tidak ditambah 100% elaun, Dewan inipun harus sunyi juga dan hendak cepat balik sahaja, tinggal dua tiga orang sahaja. Menteri macam sekarang ini sungguhpun sudah ditambah elaun cuma dua tiga orang yang datang (*Ketawa*). Jadi apa Kerajaan fikir. Tambah elaun mereka sekali ganda lagi?

Sekianlah; Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya bercakap bergurau sahaja-minta maaf barangkali Menteri-menteri banyak yang marah saya sekarang. Saya menyokong Akta untuk meminda Suruhanjaya Pilihanraya.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

6.28 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya 1957 yang bertujuan menyelaraskan gaji Pengerusi dan elaun tetap Ahli Suruhanjaya Pilihanraya dengan menaikkan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di bawah penyemakan gaji baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuhnya menyokong penyelarasan gaji dan elaun ini. Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya kerana

dapat menjalankan beberapa pilihanraya umum dan pilihanraya kecil dengan licinnya dan jayanya. Pada pendapat saya sehingga sekarang tidak ada apa-apa tanda soalan yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak tentang perkhidmatan mereka. Oleh sebab itu penyelarasan gaji dan elaun ini adalah kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan esok hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 8hb Januari, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.